

125

125

JILID IV

HARI KHAMIS

BIL. 4

21HB MAC 1985



30/4/87

# LAPORAN PERSIDANGAN

## OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG.

PENGGAL YANG KEEMPAT

FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA

FIRST MEETING

ISSN 0304-1697



# LAPORAN PERSIDANGAN

## OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT  
FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA  
FIRST MEETING

### KANDUNGAN

USUL MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TYT YANG DIPERTUA NEGERI ATAS UCAPANNYA (SAMB.)	2
USUL MELANTIK YB TUAN HAJI SHARIFF BIN HAJI OMAR SEBAGAI WAKIL DEWAN KE JEMAAH UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA	27
USUL MELANTIK AHLI-AHLI JAWATANKUASA DEWAN	28
USUL MELANTIK AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN	28
USUL MELANTIK AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT	28
USUL MELANTIK AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA AWAM PENANGGUHAN	29

### MUKA SURAT

## KHAMIS, 21HB MAC, 1985

### HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)  
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)  
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

### TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee) – melawat Amerika Syarikat, anjuran Yayasan Asia.  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

### TURUT HADIR:

- Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

**Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya Ahli Dewan bagi Kawasan Kubang Semang memohon izin daripada Yang Berhormat Tuan Speaker untuk mengambil kesempatan menyokong ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri kerana berkenan melafazkan ucapan di Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri yang Keenam pada 18 Mac, 1985.

Tuan Speaker, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tidak ternilai kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang yang telah memberi kerjasama dan mengambil berat akan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dan rakyat negeri ini, terutama sekali rakyat yang tinggal di luar bandar. Tuan Yang Terutama sentiasa berkehendakkan kemajuan, pembangunan, keamanan keselamatan dan kestabilan sosial di negeri ini. Di dalam ucapan Tuan Yang Terutama beliau telah menekankan supaya kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menjamin keamanan, keselamatan, kestabilan sosial, kemajuan ekonomi dan pembangunan untuk generasi Pulau Pinang di hari ini dan di masa akan datang.

Tuan Speaker, mengikut pandangan saya kemiskinan merupakan sebab utama yang boleh menimbulkan rasa kecewa dan tidak puas hati di kalangan rakyat, lebih-lebih lagi negeri ini mempunyai berbilang kaum dan keturunan serta berbagai agama, suasana kemiskinan boleh mencacatkan keamanan dan keselamatan negeri. Usaha-usaha Kerajaan hendak mengimbangkan dari segi pemilikan harta dan kegiatan ekonomi yang saksama di antara kaum di negeri ini adalah dialu-alukan. Jika sekiranya pembahagian ekonomi tidak seimbang, ini boleh mencetuskan suasana yang boleh mengancam keselamatan, keamanan dan seterusnya menggugat perlaksanaan usaha-usaha pembangunan.

Oleh itu, Tuan Speaker, saya memberi amaran kepada D.A.P. — tapi wakil D.A.P. tidak ada — dan mengingatkan kepada bangsa-bangsa lain di negeri ini jangan cuba mempertikaikan usaha-usaha Kerajaan hendak menolong kaum bumiputera. Hapuskan sifat cemburu dan bimbang terhadap Kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih terhadap bumiputera yang tinggal di

luar bandar untuk mempertingkatkan ekonomi mereka. Pada saya, Tuan Speaker, lafaz ucapan Tuan Yang Terutama di Dewan ini dengan harapan supaya Kerajaan mengagihkan ekonomi yang adil dan saksama demi untuk membina keamanan dan keselamatan serta perpaduan rakyat di negeri ini adalah baik bagi negeri kita.

Pada tahun 1985 kita akan menghadapi cabaran hebat kerana kemelesetan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan Kerajaan akan berusaha untuk meneruskan projek-projek kemajuan dan pembangunan yang telah dirancang, khususnya kemajuan pembangunan di kawasan luar bandar di mana kawasan luar bandar masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan. Di samping kita menghadapi kemelesetan ekonomi saya berharap Kerajaan akan mengkaji dan meneliti semua butir perbelanjaan. Setiap wang yang dibelanjakan akan memberi pulangan yang optima. Kerajaan akan memperhebatkan usaha-usaha dalam bidang industri dan perdagangan dan juga usaha-usaha untuk menembusi pasaran antarabangsa. Saya ucapkan semoga usaha-usaha ini akan mencapai kejayaan dan berterima kasih. Lagi sekali saya ulangi, Tuan Speaker, usaha-usaha Kerajaan akan memperhebatkan bidang industri dan perdagangan dan juga usaha-usaha menembusi pasaran antarabangsa dan saya mengucapkan terima kasih moga-moga mencapai kejayaan. Tuan Speaker, saya cuma hendak mengingatkan Kerajaan Negeri — hanya nak mengingatkan sahaja, Tuan Speaker, dan untuk diambil perhatian iaitu jangan lupa peruntukan untuk orang-orang Melayu. Penyertaan orang-orang Melayu di bidang ini mesti diambil kira.

Tuan Speaker, rombongan Kerajaan melawat ke luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur luar datang ke negeri ini hendaklah dikaji semula. Sama ada pemergian kita ke sana menghasilkan kejayaan atau tidak, itu kita belum tahu lagi. Di zaman moden ini kita mempunyai beberapa kemudahan. Gunakanlah segala kemudahan yang ada untuk menjimatkan belanja. Pastikanlah terlebih dahulu pelabur-pelabur itu sudah bersetuju hendak melabur di negeri ini atau tidak, jikalau bersetuju barulah rombongan kita pergi untuk menandatangani perjanjian. Inilah cara untuk menjimatkan wang di zaman kemelesetan ekonomi ini.

Tuan Speaker, pemeliharaan babi di negeri ini hendaklah ditempatkan di kawasan khas ataupun diasingkan di sebuah pulau untuk mengelakkan pencemaran. Pada pandangan saya pemeliharaan babi di negeri ini sudah tidak sesuai lagi.



Melalui Dewan ini saya berharap Kerajaan Pulau Pinang dapat mengadakan satu polisi pemeliharaan babi di negeri ini.

Pulau Pinang menjadi tempat tumpuan pelancongan yang utama di rantau ini. Suasana alam semula jadi di negeri ini yang sangat indah dan menarik hendaklah setiap masa dijaga dan diawasi supaya tidak tercemar. Untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan, maka Kerajaan perlu mengenalpasti tempat-tempat yang sesuai. Di samping itu akhlak dan budi bahasa anak-anak negeri perlu diambil kira juga. Sektor pelancongan Kerajaan Negeri janganlah hanya ditumpukan di sebelah Pulau sahaja sebab Seberang Perai juga mempunyai dan boleh dijadikan tempat tumpuan pelancongan. Ada tempat-tempat yang indah di Seberang Perai yang lebih cantik dari di Pulau.

Saya hendak mengingatkan Kerajaan supaya mengawasi pelancong-pelancong yang datang ke negeri ini, Tuan Speaker. Saya hendak mengingatkan kepada Kerajaan supaya mengawasi pelancong-pelancong yang datang ke negeri ini benar-benar melancong, bukan melacur. Terdapat sebilangan kecil pelancong-pelancong yang datang ke negeri ini dengan berpakaian yang tidak senonoh dan tidak bersopan dan ada yang terlibat dengan kegiatan dadah serta melacur diri di negeri ini. Kerajaan mestilah mengawasi dengan tegas supaya nama baik negeri ini tidak tercemar.

Tuan Speaker mengenai kebenaran perniagaan *pin-table*, permainan *pin-table* di negeri ini hendaklah dikaji dan dibatalkan. Permainan (*game*) ini tidak membawa faedah, bahkan merosakkan murid-murid sekolah.

Tuan Speaker, di Butterworth dan Chai Leng Park ada 17 buah rumah urut yang sedang menjalankan perniagaan tanpa lesen. Rumah-rumah urut tersebut berselindung di sebalik nama-nama yang indah seperti "Sejuta Bunga", "Thousand Golden", "Health Centre" dan lain-lain lagi yang tidak menggunakan nama rumah urut. Adalah diharapkan tindakan yang tegas dan yang berkesan dapat diambil supaya perniagaan ini dihentikan. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan ini di masa-masa yang lalu tetapi tidak ada tindakan yang diambil. Ini mendukacitakan saya, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, adalah diharapkan P.D.C. akan membina rumah-rumah murah kos rendah seperti yang Kerajaan bina sekarang ini. Dengan pembinaan rumah-rumah ini akan memberi peluang kepada rakyat berpendapatan rendah

untuk memiliki rumah-rumah murah sendiri. Sekarang P.D.C. membina rumah-rumah mahal yang tidak sesuai dan ini tidak dapat dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Kerajaan Negeri sedang mengatur dan merancang untuk menyambut perayaan ulang-tahun Pulau Pinang yang ke 200. Tuan Speaker, pada saya perayaan ini adalah satu perayaan yang memperingatkan penjajah Kapten Light, iaitu seorang penjajah yang menghisap darah kita dan mengambil hasil negeri kita untuk dibawa pulang ke negerinya, penjajah yang tidak pernah mengambil kira dan memikirkan tentang masalah-masalah kemajuan rakyat di negeri ini. Tuan Speaker, Pulau Pinang telah wujud lebih daripada 200 tahun bersama-sama wujudnya dunia yang dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala. Mengapakah kita hendak mengagung-agungkan penjajah? Kami generasi muda tidak bersetuju mengingat dan mengagungkan penjajah. Memadailah kita menyambut hari Merdeka pada 31 Ogos, iaitu Hari Kebangsaan negara kita.

Kita sedia maklum bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai lima buah badan atau perbadanan yang besar iaitu P.D.C., P.B.A., M.P.P.P., M.P.S.P. dan PERDA. Adalah diharapkan perbadanan-badanan ini dapat membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi kemajuan pembangunan di negeri ini khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk memudahkan lagi perkhidmatan PERDA maka kawasan perlingkungan PERDA hendaklah diselesaikan dengan segera.

Tuan Speaker, kawasan Kubang Semang ada juga mempunyai beberapa masalah yang belum diselesaikan lagi sehingga hari ini. Di sini saya merayu supaya mendapat perhatian dan tindakan segera yang mana telah dibangkitkan di Dewan ini beberapa kali:

- (i) Jalan Tanah Merah ke Kampong Permatang Nibong belum ditarkan lagi;
- (ii) tempat pembuangan sampah di Ampang Jajar hendaklah dihentikan dan dipindahkan ke tempat lain oleh sebab tempat ini tidak sesuai. Ianya adalah tempat kemajuan yang berhampiran dengan kawasan kediaman dan pembuangan sampah di situ menyebabkan bau busuk, membiakkan lalat, kotor serta membanyakkan penyakit; dan
- (iii) membina jalan dari Kuala Mengkuang ke Guar Perahu untuk kemudahan kanak-kanak sekolah dan orang ramai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mendapat *complaint* daripada pemohon-pemohon biasiswa Kerajaan Negeri yang mana untuk mendapatkan biasiswa daripada Kerajaan Negeri amatlah susah. Oleh itu saya berharap pihak Kerajaan Negeri mengkaji semula cara-cara pemberian biasiswa ini. Saya di sini mengesyorkan supaya pemberian biasiswa Kerajaan Pulau Pinang kepada rakyat hendaklah diberi mengikut kuota. Pada saya, pemberian mengikut kuota ini adalah lebih adil.

Tuan Speaker, rumah murah yang telah siap dibina hendaklah segera diberikan kepada pemohon-pemohon, jangan membiarkan mereka tunggu lama-lama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pejabat Tanah hendaklah bersikap tegas dan berani bertindak menjalankan tugas mengikut undang-undang. Sepuluh tahun meneroka secara haram di atas tanah Kerajaan di Juru seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan kita, penyokong Kerajaan, kelmarin. Sudah sepuluh tahun, Tuan Speaker, meneroka secara haram, Pejabat Tanah belum boleh bertindak dengan berkesan. Ini membuktikan dan menunjukkan Pejabat Tanah yang diketuai oleh seorang Ahli Exco yang berpengalaman, Datuk T. Subbiah, telah gagal dan lemah dalam menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada Pegawai Daerah Bukit Mertajam dan pegawai-pegawainya yang telah menjalankan tugas mengikut undang-undang yang mana undang-undang ini telah diluluskan oleh Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Adalah diharapkan kita jangan mengganggu pegawai-pegawai yang hendak menjalankan tugas. Jika berlakunya begini, maka pegawai-pegawai akan menjadi serba salah — menjalankan tugas mengikut undang-undang pun susah, tidak menjalankan tugas pun salah. Ini menjadi serba salah. Akhirnya peneroka haram akan bertambah, Tuan Speaker.

Dengan itu, Tuan Speaker, lagi sekali saya menyokong ucapan Tuan Yang Terutama di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk memohon izin menyokong di atas ucapan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang di pembukaan rasmi Persidangan Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Keenam pada hari Isnin, 18 Mac, 1985 yang lalu. Lagi

sekali saya nyatakan bahawa saya menyokong penuh di atas ucapan ini di mana terdapat beberapa aspek di mana Kerajaan begitu gigih hendak memajukan negeri ini dan seterusnya hendak meninggikan taraf hidup rakyat khususnya rakyat miskin seperti para petani, nelayan dan penternak khususnya di kawasan luar bandar.

Malangnya, terdapat pihak Pembangkang — dukacita kerana mereka tidak hadir dalam majlis kita pada hari ini — yang telah memutarbelitkan apa yang telah disarankan oleh Tuan Yang Terutama. Mereka telah menyatakan bahawa Kerajaan kita yang didokong oleh Barisan Nasional yang parti-parti komponennya terdiri daripada berbagai kaum tidak begitu berhasrat untuk menolong rakyat kita, tetapi kita tahu. Mungkin mereka tidak faham sejarah perjuangan kemerdekaan kita selama 29 tahun. Setelah kita Merdeka mungkin mereka tidak kenal sejarah Ketua Menteri kita. Di sini bukanlah bermakna saya hendak mengampu, tetapi suka saya menyatakan bahawa pihak pembangkang kita ini boleh dianggap sebagai setahun jagung dalam politik kalau kita bandingkan dengan Y.A.B. Ketua Menteri kita. Yang Amat Berhormat bukan sahaja seorang pembangkang yang membina, bukan meruntuhkan seperti pembangkang-pembangkang yang dalam Dewan ini pada hari ini.

Setelah tahun 1969, Y.A.B. Ketua Menteri terus dilantik menjadi Ketua Menteri. Hasil pengalamannya sebagai seorang ahli politik yang pernah menjadi anggota Kerajaan dan pernah juga menjadi pembangkang beliau telah mendapat pengalaman yang luas. Seperti kata pepatah orang-orang tua "Lama hidup banyaklah pengalamannya". Y.A.B. Ketua Menteri kita adalah juga seorang yang banyak membaca dan banyak ilmu pengetahuannya dan dengan pengetahuan itulah Yang Amat Berhormat dapat merancang dengan pegawai-pegawai kita yang terdiri daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Tanah dan juga pegawai-pegawai lain yang berkenaan untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang ini. Kita harus ucapkan tahniah dan patut kita berikan sejobak bunga kepada mereka ini.

Kita harap supaya pihak Pembangkang akan memahami sedalam-dalamnya hasrat Kerajaan kita. Setiap kali Dewan ini bermesyuarat dan berbingcang, maka tidak habis-habis mereka melibatkan soal KOMTAR. Sepertimana yang kita semua tahu. KOMTAR ini adalah sebagai satu lambang bagi Negeri Pulau Pinang; ianya menjadi kemegahan bagi rakyat Pulau Pinang kerana sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, kita telah ketinggalan di belakang. Seperti dikatakan oleh saudara saya

tadi, dasar penjajah hanya pandai mengangkut kekayaan yang ada di negara kita ini dan membawanya kembali ke negaranya; dasar penjajah juga pecah-pecah lalu perintah maka itulah sebabnya terdapat berbagai-bagai corak sekolah yang dijalankan mengikut perasaan masing-masing yang boleh membangkitkan fahaman-fahaman yang tidak boleh kita terima pada masa ini.

Oleh sebab itu rasa saya patutlah pertama sekali pihak Pembangkang memahami dasar-dasar ini supaya mereka tidak membangkitkan soal-soal yang boleh menerbitkan perasaan sensitif. Hasrat Kerajaan kita dari satu masa ke satu masa semanjak dari sebelum negara kita merdeka sehingga mencapai kemerdekaan ialah untuk mengadakan satu dasar perasaan perpaduan, menanam semangat kejujuran, muhibbah dan perasaan kasih sayang saling mengerti di antara satu dengan lain. Maka terbitlah Rukunegara yang mana asas-asasnya ialah bertujuan supaya kita dapat memahami dan menyayangi di antara satu dengan lain.

Semenjak negara kita merdeka, tiap-tiap pemimpin kita dari sejak Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra kepada Allahyarham Tun Abdul Razak kepada Tun Datuk Hussain Onn dan kini datangnya kepada Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir, ingin melihat kita mempunyai sikap yang berani dan bertanggungjawab dan ingin untuk memajukan rakyat negara kita khasnya rakyat miskin yang tidak berada. Oleh sebab itu KOMTAR menjadi satu kemegahan kepada kita sepertimana yang disarankan di dalam ucapan Tuan Yang Terutama yang mana ia menjadi satu bahagian Pusat Pentadbiran Negeri "gergasi" di tengah-tengah bandaraya Pulau Pinang ini. "Gergasi" ini begitu tinggi dan kita yakin dan percaya dengan adanya pegawai-pegawai kita di bangunan yang tinggi akan mengeluarkan fikiran-fikiran yang lebih bernas dalam merancang dan melaksanakan segala yang telah kita rancang, tidaklah sepertimana wakil dari pihak Pembangkang yang kita anggap kelmarin sebagai "Katak di bawah tempurong". Kita harap pegawai-pegawai kita yang berada di KOMTAR akan dapat mengeluarkan pandangan yang lebih luas.

Kita patut berasa megah dan bangga kerana sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, pernah kita dengar kata-kata apakah kalau diberi kemerdekaan Malaysia akan berjaya sedangkan rakyat Malaysia untuk membuat jarum pun kita tidak dapat. Tetapi hari ini kita berasa bangga kalaulah Tuan-tuan Yang Terutama atau Gabenor-gabenor Negeri Pulau Pinang semasa penjajahan dulu masih hidup, sekiranya mereka datang ke

Pulau Pinang mereka akan terperanjat dan terus mati kerana pembangunan yang begitu baik dan luar biasa, lebih-lebih lagi dengan siapnya Jambatan Pulau Pinang nanti Jambatan ini akan menjadi penyambung antara pulau ini dengan tanah besar dan dengan siapnya Jambatan ini perpaduan kita akan menjadi yang lebih erat. Kalau dulu Pulau Pinang dan Seberang Perai dipisahkan oleh Selat Perai, maka dengan adanya Jambatan ini dapatlah kita tanamkan semangat perpaduan dan satu tali Silatul Rahim yang lebih kukuh di antara rakyat kedua-dua tempat ini untuk kepentingan keselamatan dan keamanan di Pulau ini.

Oleh yang demikian juga saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan iaitu Pasukan Polis yang telah dengan begitu gigih dan bersungguh-sungguh mengawal keselamatan kita. Mengikut banci tahun 1980, seramai 911,386,000 penduduk Pulau Pinang yang ada pada masa itu akan meningkat ke hampir sejuta orang. Ini tentulah akan menimbulkan masalah-masalah. Jadi kerjasama dari semua lapisan rakyat di negeri ini adalah perlu untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan sukarela bagi menjaga keamanan kita setempat seperti Rukun Tetangga dan juga gerakan-gerakan sukarela yang bercorak menjaga keselamatan. Dengan adanya kerjasama dari semua lapisan rakyat yang taat dan setia kepada negara kita ini dapatlah kita sama-sama mengawal semangat perpaduan dan kejiranan.

Tuan Speaker, saya ingin juga menyentuh sedikit sebanyak beberapa perkara yang mungkin telahpun diucapkan oleh rakan-rakan saya dan saya memang menyokong dengan apa yang telah diucapkan tetapi ada beberapa perkara penting yang patut menjadi perhatian. Kita sedia maklum bahawa mengikut ucapan Tuan Yang Terutama tahun 1985 adalah satu tahun yang mencabar dan keadaan ekonomi negara kita masih terus meleset. Kita tidak nampak usaha-usaha dijalankan bagi memulihkan kemerosotan ekonomi negara ini dengan segera. Walau bagaimanapun, keadaan ini dapat dikawal terutama sekali di Negeri Pulau Pinang ini.

Cadangan dari pegawai-pegawai kita untuk menaikkan cukai tanah adalah amat perlu kerana sudah 15 tahun Negeri Pulau Pinang ini tidak mengadakan sebarang perubahan cukai, tetapi saya yakin dan percaya masalah yang berbangkit bukanlah masalah kenaikan cukai tanah tetapi masalah cukai-cukai lain yang diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang seperti cukai hasil yang memberatkan kebanyakan penduduk di kawasan luar bandar.



Dalam masalah kenaikan cukai tahun ini saya telah berjumpa beberapa orang yang terlibat. Mereka memang bersetuju dan tidak membantah soal ini oleh sebab setelah 15 tahun baru Kerajaan Negeri naikkan cukai tanah dengan peratusan yang begitu kecil kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Yang menjadi masalah ialah cukai hasil dan juga cukai-cukai Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah tinggi terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar seperti Balik Pulau. Inilah yang dipertikaikan oleh setengah-setengah golongan.

Oleh sebab itu saya harap keterangan-keterangan yang lebih jelas dapat diberi kepada rakyat berkenaan masalah kenaikan cukai ini. Kerajaan perlu menaikkan cukai-cukai yang sedemikian bagi tujuan memberi pembangunan kepada rakyat dan bukanlah untuk pembinaan KOMTAR ataupun Jambatan. Ini adalah soal Pusat Pentadbiran. Begitu juga saya rasa haruslah rakyat kita memahami bahawa Kerajaan sedang cuba hendak menebusgunakan tanah untuk memberi peluang kepada pemaju-pemaju bagi mendapat hasil dalam negeri dan bukan berharap kepada kenaikan cukai itu sahaja.

Kita patutlah memberi tahniah kepada Kerajaan Negeri kita yang bertujuan hendak memperkembangkan lagi ekonomi dan sosial bagi penduduk-penduduknya. Oleh yang demikian, saya berharap dalam perayaan 200 Tahun dan juga Hari Kebangsaan/Kemerdekaan yang ke 29 negara kita, kita haruslah mengambil kira bahawa hampir 171 tahun negara kita dijajah oleh penjajah seperti yang saya sebut tadi, dari semenjak tahun 1874 Pulau Pinang diambil oleh Kapten Light melalui East India Company yang mana dari semenjak itu negara kita memang mendapat perhatian yang penuh di samping pergolakan dan perkembangan penjajah-penjajah seperti Belanda di Indonesia dan Portugis di Filipina barat yang bertumpu ke gugusan pulau-pulau Melayu pada masa itu dan juga seterusnya dalam tahun 1511 Negeri Melaka telah jatuh ke tangan Portugis. Pada tahun 1819 Singapura pula telah diambil oleh Inggeris dan seterusnya mereka menjadi penjajah bukan sahaja di Pulau Pinang pada tahun 1874 tetapi juga negeri-negeri Melayu (Negeri-negeri Bersekutu dan Negeri-negeri Tidak Bersekutu). Pulau Pinang, Melaka dan Singapura dijadikan Negeri-negeri Selat.

Jadi kita haruslah boleh berbangga dalam menyambut perayaan 200 tahun ini kerana selama 171 tahun kita adalah di dalam genggaman penjajah dan kita juga harus berterima kasih kepada

mereka kerana mereka yang telah membangunkan negeri ini walaupun hasrat mereka, seperti yang diucapkan oleh rakan saya tadi, adalah bertujuan untuk mengangkut kekayaan negeri ini. Kita boleh lihat kalau kita dapat melawat negara mereka segala kekayaan kita itu diletakkan di dalam kawasan-kawasan yang strategik bagi menunjukkan kemegahan bangsa mereka, tapi hari ini kalau kita hendak menyambut perayaan 200 tahun hendaklah kita tunjukkan perkembangan-perkembangan bagaimana penjajah telah menekan rakyat kita pada masa dulu dengan cara pecah-pecah lalu perintah supaya rakyat kita dapat memahami betapa pentingnya rakyat yang bersatupadu dan mempunyai tanggungjawab terhadap negara kita Malaysia.

Tuan Speaker, menyentuh kepada Pihak Berkuasa Air kita berasa bangga kalau kita mendengar tentang statistik dan peratusan kemajuan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Air di Pulau Pinang. Sepatutnya kita ucapkan tahniah di atas kegigihan Pihak Berkuasa Air kerana menjelang akhir tahun 1985, 90% daripada penduduk di Pulau ini dan 85% daripada mereka yang tinggal di Seberang Perai akan menikmati bekalan air: hitung panjang 90% penduduk seluruh Negeri Pulau Pinang akan dapat menikmati bekalan air. Syabas saya ucapkan kepada Pihak Berkuasa Air, tetapi malangnya sepertimana yang telah saya katakan masih terdapat penduduk-penduduk di kawasan saya khasnya yang, kalau nak dimasuk air seperti kata seorang Benggali, "Batang sudah masuk, kepala sudah taruh, air juga tidak mau keluar". Inilah di antara perkara-perkara yang berlaku. Jadi saya harap perkara ini boleh mendapat perhatian yang serius dan tidaklah setakat memasukkan statistik di kertas sahaja tanpa amalan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada penduduk-penduduk atau rakyat khasnya di kawasan luar bandar.

Saya yakin dan percaya bahawa di bandar 100% penduduk-penduduk mendapat bekalan air tetapi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seperti di kawasan Telok Bahang ini masih jauh ketinggalan - mungkin tidak sampai 60%. Ini sudah menjadi kenyataan. Paip-paip yang dipasang lebih dari 29 tahun semenjak zaman penjajahan masih berkekalan. Boleh dikatakan setiap minggu dan setiap bulan ada sahaja paip-paip yang pecah dan rakyat yang lebihkurang 60% ini masih menunggu mendapat bekalan air. Ini di kawasan saya, saya tidak tau di kawasan orang lain. Pernah berlaku setelah paip pecah diganti dengan yang baru, dalam masa sehari itu penuh dengan selut dan pasir. Saya tidak tahu bagaimana tekniknya



memasang kembali paip itu sehingga menjadi demikian. Saya harap Pihak Berkuasa Air dapat menyasat dan membuat kajian supaya rakyat boleh mendapat air yang bersih. Kempen kebersihan tidak hanya setakat kawasan tetapi juga dari segi air minum yang bersih untuk rakyat supaya mereka menjadi sihat. Apabila rakyat sihat, negara akan mendapat hasil yang lumayan.

Tuan Speaker, merujuk kepada pelancongan, kita juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak-pihak yang berusaha untuk meningkatkan daya penarik Negeri Pulau Pinang bagi tujuan pelancongan. Kita ada berbagai-bagai rancangan dan saya ucapkan syabas, tetapi malangnya masih terdapat kawasan-kawasan strategik yang sesuai untuk dijadikan kawasan pelancongan tidak diusahakan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa kawalan. Perkara ini patutlah kita ambil perhatian yang serius dan membuat kajian dan penyelidikan bagi mengindahkan kawasan-kawasan sedemikian. Kawasan-kawasan Daerah Balik Pulau dan Daerah Barat Daya, umpamanya, adalah kawasan-kawasan yang strategik bagi tujuan pelancongan dengan pandangannya yang indah dan hawanya yang menarik dan Kerajaan Negeri patutlah mengadakan rumah-rumah rehat untuk menarik lebih ramai pelancong bukan sahaja dari dalam negeri tetapi dari luar negeri juga.

Selain dari itu, di sepanjang Jalan Tun Sardon hendaklah dihiasi dengan pokok-pokok. Sepertimana yang telah kita lihat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menanam sekurang-kurangnya 20,000 pokok pada tahun ini, tetapi saya tidak nampak sebatang pokok pun di Jalan Tun Sardon, Glugor hingga ke Bayan Lepas — kalau adapun, tidak banyak. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian yang serius dan dapat menanam pokok-pokok bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang termasuklah di Seberang Perai.

Berhubung dengan belia, kita sepatutnya memupuk satu semangat serta budi pekerti yang tinggi melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti persatuan-persatuan belia, tapi setahu saya persatuan-persatuan belia yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya belum dapat melihat satu ucapan dasar dibuat mengenainya kerana kita tahu kalau kita hendak melentur buluh biarlah di masa bebungunya. Jadi kanak-kanak sekolah yang memasuki pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Pergerakan Pengakap, *Girl Guides*, *Bulan Sabit*, dan lain-lain juga perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri

Pulau Pinang. Janganlah kita berharap kepada pihak sekolah itu sahaja. Memang saya ketahui dan berpengalaman dalam soal ini oleh sebab saya juga pernah menjadi salah seorang anggota tersebut dan tidak pernah mendapat bantuan dari Kerajaan Negeri, hanya dari Kerajaan Pusat untuk menjalankan pentadbiran. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan mengambil bahagian dan memberi sokongan di atas kursus-kursus yang akan diadakan oleh pergerakan-pergerakan itu. Adalah amat sukar bagi pergerakan-pergerakan itu menjalankan kursus oleh sebab tidak mempunyai peruntukan yang cukup dan peserta-peserta kursus terpaksa membayar yuran sendiri tanpa subsidi dari mana-mana pihak. Di sini kita ucapkan syabas kerana mereka dapat berdikari, tetapi kalau sebanyak 10 aktiviti dirancangan, hanya dua atau tiga sahaja yang dapat dijalankan. Ini yang patut kita pupuk untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah. Kanak-kanak ini perlu dijaga. Lagipun, pada masa ini saya dengar Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada pertumbuhan-pertumbuhan sukarela di sekolah-sekolah supaya mendapat perhatian dari pihak Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan.

Tuan Speaker, berhubung dengan apa yang saya sarankan itu, saya harap ianya akan mendapat perhatian dari pihak Kerajaan dan saya rasa tidak perlu saya ulangi lagi apa yang telah diucapkan oleh rakan-rakan saya di Dewan ini berhubung dengan cukai tanah, biasiswa, perumahan dan lain-lain. Cuma saya ingin menitikberatkan satu aspek iaitu kalau kita bangkitkan soal pamaritan di kawasan persawahan pada masa lalu, saya harap Kerajaan Negeri dapat membuat perancangan di seluruh negeri kita dan segi pembangunan kerana saya nampak dari pengalaman melawat ke luar negeri, sebelum dimulakan satu projek pembangunan seperti projek perumahan ataupun industri, yang diutamakan ialah pamaritan besar di kawasan di mana bangunan ini akan didirikan untuk maksud air mengalir dari pamaritan kecil. Tetapi nampaknya di negeri kita ini projek dijalankan dahulu sehingga berlaku banjir di hadapan Masjid Negeri, di Jalan Macalister, di Weld Quay, di Sungai Pinang, bah di antara lapangan terbang ke Bayan Baru dan di beberapa tempat di Sungai Ara, termasuk di Butterworth oleh kerana air yang mengalir dari tempat-tempat pembangunan tidak ada saluran yang baik. Sepatutnya diadakan perancangan membuat pamaritan yang besar untuk saluran air yang lebih sempurna. Inilah saya nampak kelemahan dan kelembapan kita dalam mengatasi masalah banjir di negeri kita ini. Saya sungguh berasa malu baru-baru ini di mana satu rombongan berjumpa Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa masalah banjir di Caunter Hall

tidak dapat diatasi. Adakah ini merupakan satu pukulan terhadap kita wakil-wakil rakyat ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan tanpa diambil perhatian?

Jadi kita berharap tidak menjadi pisang berbuah dua kali dan kita berharap masalah-masalah yang ditimbulkan terutama sekali masalah-masalah yang besar seperti yang saya sebutkan tadi haruslah mendapat perhatian yang serius dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang semoga kita tidak selalu dipermainkan bahawa kata-kata "Bersih, Cekap dan Amanah" hanya kata-kata semata-mata. Kita juga pernah dengar baru-baru ini, Y.B. Encik Anwar Ibrahim dipertikaikan di London bahawa "B.C.A." bukan bermaksud "Bersih, Cekap dan Amanah" tetapi disebut "Botol Cap Anjing" dimaksudkan kita jadi gila jika kita minum botol cap anjing itu. Inilah masalah di mana kita patut tunjukkan kegigihan kita.

Walau bagaimanapun, kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada khususnya Ketua Menteri dan Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang ada di Negeri Pulau Pinang sama ada Persekutuan atau Negeri yang telah menjalankan tugas dengan begitu gigih mengikut etika-etika kerja seperti yang disarankan oleh Tuan Yang Terutama dalam ucapan pembukaan rasmi dan saya berharap akan dapat diperbaiki lagi dan diadakan perbincangan yang teliti dan mendalam. Kita patut, seperti kata orang, "Memimpin dan Dipimpin" dan patut kita memberi dan menerima, bukan setakat memberi sahaja. Jadi fikiran yang datang dari rakyat yang kita ingat tidak mempunyai pelajaran kadangkala ia akan memberi munafaat yang lebih seperti cerita "Tidak Melanggar Singapura". Janganlah kita sama-sama berbincang untuk kepentingan, kemajuan dan perhubungan masyarakat di Negeri Pulau Pinang ini. Dengan itu saya mengambil peluang lagi sekali menyokong atas ucapan dasar yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama dalam ucapan pembukaan penggal ini.

Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun dan ingin mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang telah berucap bagi menyokong ucapan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri pada 18 haribulan yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan ucapan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama saya ingin mengambil kesempatan dalam mukadimah saya, iaitu untuk mengingatkan apa yang telah saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini dalam mesyuarat-mesyuarat yang lalu, terutama sekali dalam mana kita membahaskan anggaran belanjawan dan pembangunan negeri yang telah lalu. Saya berharap semua pihak dan jabatan-jabatan berkaitan yang telah disentuh dapat mengambil perhatian dan dapat melaksanakan semua pandangan dan teguran yang telah saya buat di dalam mesyuarat yang lalu. Saya tidak ingin membangkitkan perkara-perkara yang sama sekali lagi kerana perkara-perkara yang telah dibangkitkan dulu belum lagi diatasi. Jadi melalui Dewan yang mulia ini saya berharap semua pihak terutama sekali jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya, Pertanian, Haiwan dan lain-lain lagi yang berkaitan akan menyemak balik minit mesyuarat kita yang lalu dan dapat mengatasi semua masalah yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli di Dewan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang kedua saya ingin menyentuh ataupun bercakap sedikit mengenai apa yang telah kita putuskan kelmarin dalam meluluskan Rang Undang-undang Keluarga Islam mengenai mengatasi "gila talak" dan menghapuskan "Cina buta". Kelmarin di Dewan ini berlaku lagi keadaan orang "gila talak"; Ahli Kawasan Bukit Glugor, mula-mula beliau menceraikan Dewan ini dengan "talak tiga", kemudian bila hendak dikenakan "Cina buta", beliau tidak sanggup, oleh itu beliau datang juga ke Dewan: Ini adalah satu perkara yang kurang sihat, kalau saya katakan kurang faham mungkin Ahli yang berkenaan lebih arif sebab beliau mempunyai kemahiran dalam bidang undang-undang dan peraturan, tetapi ada kalanya undang-undang dan peraturan yang selalu diutamakan tidak diambil kira, jadi kalau ada lampu merahpun dilanggarnya juga, jadi ini adalah satu perkara yang mendukacitakan. Dan kita berharap bahawa rakyat di Negeri Pulau Pinang ini akan lebih teliti pada masa-masa akan datang dalam pemilihan wakil. biarlah orang-orang yang dipilih bagi mendapat tempat di dalam Dewan yang mulia ini orang-orang yang boleh bertanggungjawab dan sanggup memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga sepertimana rakan-rakan saya yang telah berucap mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada



Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri yang telah memberi ucapan di dalam Dewan yang mulia ini dan telah menyentuh berbagai-bagai perkara ataupun aspek berkaitan dengan kemajuan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang khususnya pembangunan dan kemajuan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya kita rasa amat bangga di atas ucapan dan pandangan yang telah diberikan oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri kelmarin.

Dalam perkara ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara 8 di dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri iaitu mengenai hasrat dan tujuan Kerajaan supaya akan dapat melaksanakan penyertaan swasta bagi menyertai dalam bidang persyarikatan dan pengswastaaan. Jadi ini adalah satu perkara yang amat menggalakkan bagi rakyat di negeri ini terutama sekali pihak swasta yang mana patutlah mengambil bahagian dalam semua bidang persyarikatan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam pada ini saya berpendapat juga harus menyediakan satu garis panduan ataupun memberi satu bimbingan kepada pihak-pihak swasta dalam negeri ini supaya mereka ini dapat menyertai dalam bidang ini oleh kerana mereka belum mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Kerajaan hendaklah menggalakkan atau mengadakan latihan yang lebih kepada syarikat-syarikat yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini supaya mereka dapat menceburkan diri dalam pengswastaaan dan dengan adanya usaha-usaha ini akan dapat mencebur diri dalam usaha-usaha untuk mempertingkatkan pembangunan di dalam negeri kita ini.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri dalam perkara 9 di mana Tuan Yang Terutama Negeri telah menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan bagi mempertingkatkan taraf hidup petani dan nelayan dan bagi meningkatkan pendapatan hasil nelayan di dalam negeri ini. Sesungguhnya perkara yang telah disentuh oleh Tuan Yang Terutama itu adalah satu pandangan yang begitu jauh dan mempunyai hasrat untuk bersungguh-sungguh mempertingkatkan usaha bagi menaikkan taraf hidup para petani dan nelayan di negeri ini. Jadi kalau kita kaji dan kita lihat terutama sekali para nelayan di Negeri Pulau Pinang ini dalam keadaan sekarang, kehidupan nelayan adalah amat menyedihkan dan banyak di antara nelayan telah mencari kerja-kerja lain oleh kerana hasil tangkapan mereka di laut atau di pantai perairan kita ini amat merosot. Memandangkan keadaan ini, boleh dikatakan bahawa di akhir-akhir ini, pendapatan nelayan adalah amat teruk

sekali. Saya bagi contoh, umpamanya sesebuah bot nelayan pukat kenka turun ke laut membawa 5 orang pekerjanya, bila mereka balik mereka membawa 3 hingga 7 kilo udang yang dapat mereka tangkap. Kalau kita jumlahkan pendapatan mereka, katalah 7 kilo, harga sekilo udang purata katakan \$4.00, bermakna mereka mendapat \$28.00 satu hari; belanja minyak lebih dari \$20.00, jadi ini bermakna mereka kena panggu \$8.00 kepada 5 orang. Dari sini kita boleh lihat bawa tentulah mereka menghadapi satu masalah yang amat sukar bagi membiayai anak-isteri mereka. Dalam hal ini, saya berharap Kerajaan dapat menyediakan satu perancangan lain yang boleh menampung hidup nelayan-nelayan ini supaya mereka dapat hidup bersama dengan ahli-ahli masyarakat yang lain.

Begitu juga tentang petani, walaupun kita telah banyak merancang untuk membaiki kehidupan para petani kita di negeri ini dan berbagai rancangan telah kita majukan untuk mempertingkatkan hasil-hasil pertanian di negeri ini tetapi masih ada lagi para petani yang tidak dapat menikmati segala rancangan yang telah kita sediakan. Saya mengalu-alu dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan melalui Jawatankuasa Pertanian Negeri yang telah melancarkan satu sekim projek bersepadu. Ini adalah satu rancangan yang baik, dan dalam percubaan yang telah kita lakukan selama ini kita telah dapat mencapai sedikit sebanyak kemajuan tetapi malangnya sekim atau projek ini adalah terlalu kecil kerana hanya sembilan sahaja yang dapat kita laksanakan pada tahun ini. Saya berharap kita boleh menambahkan lagi peruntukan dalam usaha melaksanakan projek ataupun sekim bersepadu ini dan kalau boleh biarlah semua kawasan yang ada kaitan dengan pertanian mendapat faedah dari pelaksanaan projek ini supaya kita dapat memberi bimbingan kepada para petani dalam usaha-usaha mempertingkatkan pendapatan mereka dan bagi memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Dengan adanya projek bersepadu ini kita dapat mempelbagaikan projek pertanian di dalam negeri dan kita dapat menentukan kawasan-kawasan yang sesuai untuk ditanam dengan padi. Kawasan yang tidak sesuai ditanam dengan padi boleh kita gunakan tanaman yang lain bagi menambahkan lagi mata pencarian mereka ataupun kita boleh mengadakan ternakan itik dan sebagainya. Kita boleh nampak pada hari ini bahawa ternakan itik yang telah dirancang oleh Kerajaan sudah dapat mencapai hasil yang baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain dari menyentuh (dalam perkara 10) mengenai konsep tanaman berkelompok dan bersepadu, Tuan Yang

Terutama juga telah menyentuh dari segi penyusunan ataupun pembangunan kampung-kampung. Pada pandangan saya ini adalah satu rancangan yang amat baik sekiranya dapat kita dilaksanakan dengan kadar yang segera supaya dapat kita membaiki dan mempertingkatkan taraf kampung-kampung untuk menjadi satu pekan yang kecil, tersusun dan mempunyai semua kemudahan asas. Dengan adanya penyusunan ini, akan dapat mempertingkatkan usaha kita bagi mencapai taraf hidup rakyat di negeri ini dengan lebih sempurna dan dengan lebih baik pada masa yang akan datang.

Pada pendapat saya, rancangan kampung bersepadu ini adalah amat berguna dan dapat dilaksanakan oleh kerana semenjak negara kita mencapai kemerdekaan lebih dari 27 tahun yang lalu, dan walaupun banyak rancangan telah kita laksanakan untuk membaiki keadaan ini tetapi masih ada lagi kampung-kampung di pedalaman yang tidak dapat kita memberi kemudahan asas kerana kedudukan kampung-kampung ini tidak tersusun. Kalau dapat kita baiki dan dapat kita susun kampung-kampung itu, ianya akan menjadi satu contoh yang baik dan ini juga adalah satu penarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke kawasan-kawasan itu bukan sahaja mereka dapat melihat pantai tetapi juga bagaimana keadaan hidup masyarakat di negeri ini sejak negara kita mencapai kemerdekaan, sama ada sudah berubah ataupun tidak. Projek-projek Kampung bersepadu ini akan dapat memberi nikmat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik sepertimana orang-orang yang tinggal di dalam bandar.

Kalau dalam bandar ini ada banyak kemudahan — seperti kata rakan saya dari Teluk Bahang tadi — bahawa kawasan-kawasan pekan ditanam ataupun dihiasi dengan pokok-pokok bunga untuk mengindahkan lagi pemandangan di kawasan sekelilingnya, tetapi di kampung-kampung seperti di kawasan saya, Sungai Acheh, Jabatan Kerja Raya tidak menanam pokok dan di kiri-kanan bahu jalan, rumput-rumput lebih tinggi daripada orang. Kadang-kadang itu sampai dua atau tiga bulan baru mereka pergi mencuci kawasan itu. Ini juga satu pemandangan yang “indah”. Ada juga penduduk-penduduk di kawasan saya yang mengadu (*complain*) mengenai rumput di kiri-kanan jalan yang begitu tinggi, dan saya kata itulah pemandangan alam semula jadi. Jadi itulah nasib kawasan di luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh mengenai jalan pula. Kalau disebut

pasal jalan, kalau hendak dikatakan tidak elok, elok juga, tetapi kadang kala ada juga lubang-lubang yang dibiarkan begitu lama tidak dicuci ataupun ditimbus atau dibaiki. Saya telah bercakap mengenai perkara ini di dalam mesyuarat yang lepas, oleh sebab itu saya minta Setiausaha Dewan semak balik minit-minit yang lepas. Kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan di mana jalan-jalan sudah ditar, malangnya yang paling sedikit sekali ialah kawasan Sungai Acheh, mungkin kerana kedudukannya berada di luar bandar di mana tidak ada pelancong yang banyak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai perkara 11, iaitu Kerajaan negeri akan menggalakkan industri dan teknologi tinggi dan juga industri kecil. Pada saya, ini adalah satu usaha Kerajaan yang amat baik dan kalau boleh biarlah dilaksanakan dengan segera. Walaupun kita tahu dan sedar bahawa kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia ini, Pulau Pinanglah yang mempunyai banyak industri, tetapi industri-industri ini hanya terletak di satu atau dua kawasan sahaja umpamanya di kawasan Bayan Baru, Kawasan Perai dan Kawasan Mak Mandin. Kalau boleh biarlah industri ini digalakkan di daerah-daerah ataupun di kawasan-kawasan ADUN, ataupun bagi daerah pun cukuplah. Tujuannya ialah supaya kita dapat menampung pengangguran di kalangan belia. Bila banyak industri kita dapat menyediakan banyak pekerjaan terutama sekali kepada belia-belia kita di kampung yang tidak mempunyai pekerjaan dan sebagainya.

Dan bagi mengurangkan kos pengeluaran ada baiknya industri ini diletakkan di kawasan-kawasan daerah kerana ramai orang di daerah-daerah telah berhijrah ke kawasan Bayan Baru, Kawasan Perai dan Kawasan Mak Mandin untuk bekerja. Di kawasan saya ada juga yang bekerja di sebelah Perak, Simpang Lima dan juga di Kulim (satu kawasan industri di Kedah) oleh kerana mereka tidak mendapat pekerjaan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Jadi kalau Kerajaan hendak menggalakkan lebih banyak lagi industri, berilah tumpuan kepada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi oleh kerana, pada pendapat saya, sekiranya kawasan-kawasan itu boleh mengadakan pekerjaan penduduk-penduduk di kawasan itu tidak perlu berulang alik ke tempat lain untuk bekerja. Harga barang-barang pengeluaran pun mungkin boleh dijual dengan lebih murah lagi. Jadi itulah sebab yang kedua mengapa industri ini patut diadakan di tiap-tiap daerah.

Menyentuh mengenai para belia juga, golongan



Dewan bersidang semula jam 11.30 pagi.

an belia dalam negeri kita ini adalah satu golongan yang ramai bilangannya berbanding dengan golongan yang tua. Jadi mereka ini juga adalah orang yang akan dipertanggungjawabkan bagi memimpin negara kita di masa akan datang. Sekiranya mereka ini tidak diberi satu galakan untuk bekerja, ada kemungkinan mereka akan menjadi penagih dadah yang boleh menimbulkan masalah besar kepada kita. Kita sekarang sedang menghadapi satu masalah besar dalam memerangi masalah penagih dadah. Kalau kita perhatikan, ramai belia yang menagih dadah ialah mereka yang tidak ada kerja. Mula-mula mereka berkumpul dua-tiga orang, kemudian bilangan itu semakin lama semakin ramai. Mereka ini mula-mula menghisap ganja, selepas ganja hisap yang lain, kemudian gunakan suntikan dan seterusnya sudah semakin teruk.

Kalau kita kaji kesilapan juga terletak pada kita kerana kita menggalakkan industri-industri yang menggunakan tenaga wanita di negara kita ini. Kita bukan tidak mahu bagi kerja pada orang perempuan, tadi biarlah seimbang. Pada masa sekarang kebanyakan industri yang ada hanya menggunakan tenaga wanita sahaja, jadi yang belia hanya duduk membuang masa tanpa pekerjaan. Jadi dalam usaha-usaha Kerajaan untuk membawa industri-industri ke negeri ini, biarlah industri-industri yang menggunakan juga tenaga pekerja laki-laki. Kalau kita lihat sekarang, tiap-tiap pagi bas-bas membawa lebih ramai pekerja-pekerja perempuan ke kilang. Jadi di manakah kita hendak letakkan belia-belia kita? Kalau tidak dikawal masalah ini akan menjadi lebih besar dan rumit sehingga melibatkan masalah keselamatan dan ketenteraman negeri kita. Mengadakan industri di negeri ini memanglah baik kerana bukan sahaja kita dapat menampung tenaga kerja di dalam negeri ini bahkan yang ada di negeri-negeri lain juga, misalnya ramai wanita dan belia dari Negeri Kedah bekerja di Pulau Pinang, di Kelantan dan sebagainya, tetapi biarlah ada industri-industri yang menggunakan tenaga kerja belia-belia ini.

**Tuan Speaker:**

Adakah ucapan Yang Berhormat panjang lagi?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):**

Ya.

**Tuan Speaker:**

Dewan ditangguhkan setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyambung ucapan saya dalam membahaskan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama di atas ucapannya kepada Dewan ini kelmarin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri pada Dewan ini kelmarin, Tuan Yang Terutama telah menyentuh mengenai Rancangan Malaysia Kelima (perkara 11) yang akan menggalakkan pertumbuhan sektor industri perdagangan dan pelancongan. Kerajaan akan menambah dan meningkatkan usaha-usaha bagi mengembelingkan pencapaian mengenai industri dan perniagaan. Usaha-usaha yang akan dirancang oleh Kerajaan adalah satu usaha yang baik bagi mempertingkatkan bidang perdagangan dan perindustrian di Negeri Pulau Pinang dan dalam hal ini Kerajaan juga akan menggalakkan rakyat Negeri Pulau Pinang mengadakan rancangan usahasama dalam melaksanakan segala bidang perniagaan di Negeri Pulau Pinang.

Jadi dalam hal ini saya menyokong dan berharap supaya Kerajaan dapat juga menyediakan satu garis panduan dalam usaha-usaha bagi melaksanakan konsep usahasama di antara peniaga-peniaga asing dengan peniaga-peniaga tempatan. Saya percaya dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kemajuan dalam bidang perniagaan terutama sekali bagi menggalakkan kaum bumiputera dalam negeri ini supaya menceburkan diri dengan lebih giat lagi dalam bidang ini. matlamat Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan akan tercapai. Di Negeri Pulau Pinang ini golongan bumiputera masih lagi ketinggalan dalam bidang perniagaan dan adalah perlu Kerajaan mengadakan garis panduan ataupun sekim bimbingan ini bagi mereka supaya dapat bersama-sama dengan peniaga-peniaga yang lain.

Dalam melaksanakan dasar usahasama yang telah disarankan oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, di sini saya ingin mengesyorkan supaya dalam mempertingkatkan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan terutama sekali di kalangan belia-belia Kerajaan Negeri boleh melancarkan beberapa sekim yang boleh memberi peluang kepada para belia dan juga kaum bumiputera dalam Negeri Pulau Pinang ini melalui "Sekim Payung", iaitu satu sistem yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian-kementerianya. Saya percaya tentulah

“Sekim Payung” ini dapat dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. “Sekim Payung” ini ialah satu sekim di mana kita menghad atau membuat satu kuota dalam bidang perniagaan terutama sekali Kerajaan Negeri sendiri, umpamanya dalam bidang pertanian. Banyak bahan-bahan diperlukan oleh Jabatan Pertanian ini mestilah disalurkan melalui “Sekim Payung” dengan memberi kontrak pembekalan kepada badan-badan yang sedia ada, umpamanya kalau ada kaitan dengan benih-benih pertanian, berikanlah kontrak bekalan itu kepada Pertubuhan Peladang. Sebagai contoh di peringkat Kerajaan Pusat, Kementerian Pertanian telahpun mula menjalankan sekim ini di bawah “Sekim Payung” pada tahun ini di mana Kerajaan telah memberi bekalan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) membekalkan telur ayam sebanyak 109 juta kepada Hospital Universiti, sekolah-sekolah yang berasrama dan lain-lain lagi. Jadi saya percaya dengan adanya sekim ini dapatlah kita memberi peluang kepada peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha yang baru menceburkan diri mereka dalam bidang perniagaan tanpa menghadapi persaingan di samping peniaga-peniaga yang sudah maju. Jadi ini adalah satu usaha yang baik yang boleh kita laksanakan.

Begitu juga dengan Jabatan Haiwan, kalau Jabatan Haiwan hendak import anak-anak ayam dan itik dari Thailand, boleh kontrak bekalan itu diberikan pertubuhan atau koperasi yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang ini. Ini adalah satu usaha bagi kita menggalakkan mereka menumpukan perniagaan mereka dalam bidang ini. Jadi saya percaya Kerajaan Negeri juga banyak membuat bekalan-bekalan ataupun menyediakan peruntukan bagi membekalkan bahan-bahan yang diperlukan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri boleh mengambil contoh dari apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat iaitu untuk mengujudkan satu sekim baru yang dinamakan “Sekim Payung”. Dalam “Sekim Payung” ini bukan saja bekalan telur diberikan kepada Pertubuhan Peladang tetapi bekalan-bekalan ayam, daging dan sebagainya telur akan diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan atau koperasi-koperasi yang boleh dan mampu melaksanakan projek ini. Dengan cara ini dapatlah Kerajaan Negeri merancang untuk mengurangkan bilangan nelayan yang ada di negeri ini supaya kita dapat mengatasi masalah mereka. Jadi dengan cara begini dengan melalui Koperasi Nelayan yang ada, bolehkah kita tolong menyediakan pekerjaan yang baru bagi mereka. Saya percaya ini adalah satu rancangan yang baik kalau dapat kita laksanakan.

Dalam pembekalan pensil juga, walaupun barangnya kecil dan bekalannya tidak begitu besar, tetapi mungkin Kerajaan, boleh kuotakan bekalan-bekalan yang diperlukan. Perlaksanaan “Sekim Payung” ini bukan bermakna kita hendak menyekat peniaga-peniaga yang sudah menjalankan perniagaan; kita hanya ingin memberi sebahagian dari kontrak pembekalan, mungkin 30% dari bekalan yang diperlukan oleh Kerajaan. Jadi kalau kita bagi 30% melalui “Sekim Payung” ini, ini boleh memberi satu galakkan dan boleh mempercepatkan usaha-usaha Kerajaan dalam mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru.

Yang Berhormat Tuan Speaker, beberapa orang rakan-rakan saya telah menyentuh mengenai sektor pelancongan, dan saya di sebelah Seberang juga ingin hendak menyentuh sedikit fasal bab pelancongan sebab mungkin masalah pelancongan di sebelah Seberang belum disentuh lagi. Saya percaya di Seberang Perai juga ada beberapa tempat yang mempunyai pandangan-pandangan yang indah yang boleh kita majukan untuk menarik para pelancong. Ada juga pelancong pergi di sebelah Seberang, tetapi baru-baru saya melihat seorang “Mat Salleh” pergi ke kawasan saya dengan menaiki basikal, Mungkin “Mat Salleh” pun teringin hendak melihat keadaan di Seberang, tetapi dia kata kalau pergi dengan kereta, tidak setaraf sebab jalan-jalannya berlubang, kiri-kanan ada lalang dan pokok-pokok lain pun tinggi. Saya sudah meminta pihak J.K.R. tebas tetapi belum diambil tindakan lagi — mungkin vot tidak cukup. Ini untuk perhatian Pengerusi yang berkenaan. Kalau kita boleh majukan Pulau Aman sebagai satu kawasan pelancongan, bukan sahaja pulau itu mempunyai pandangan-pandangan yang indah tetapi Pulau Aman merupakan satu tempat yang bersejarah, dan kalau kita majukan Pulau Aman saya rasa sudah tentu pelancong-pelancong juga akan tertarik hati untuk melawat pulau itu. Kalau kita biarkan Pulau Aman terus dalam keadaan sekarang, tak usah kata pelancong, orang dalam Pulau Pinang pun ada yang tak biasa pergi ke Pulau Aman. Kalau kita majukan kawasan ini saya percaya tentulah akan menarik para pelancong, kalau pun tak pelancong luar, pelancong dalam negeri, sekurang-kurangnya mereka dapat melihat keindahan dan mengetahui latarbelakang dan sejarah Pulau Aman dan bagaimana pulau yang dulu disebut sebagai “Pulau Kera” sekarang dikenali dengan nama “Pulau Aman” pula. Ini ada juga kaitan sejarahnya. Jadi kalaulah dari segi pelancongan tempat-tempat yang seumpama kita ambil kira sudah tentu negeri kita akan dapat menambahkan lagi tempat-tempat indah yang



boleh kita majukan, dan kemukakan kepada para pelancong.

Lagi satu tempat ialah di Kuala Juru. Kalau Juru juga mempunyai pandangan yang indah dengan bukit-bukit dan tumbuh-tumbuhan — pokok getah pun ada, Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota, di Kuala Juru — yang boleh menarik para pelancong. Selain dari itu, sebelah utara, misalnya di Pulau Mertajam, Kuala Muda, dan banyak lagi tempat-tempat indah yang boleh kita majukan untuk menambahkan pelancong datang ke negeri kita. Jadi kalau ramai pelancong, penduduk-penduduk di tempat itu pun boleh juga menambahkan pendapatan mereka dengan menjalankan perniagaan. Kalau hendak menjual baju, biarlah baju itu dicap dengan gambar-gambar yang elok untuk mencerminkan bahawa Negeri Pulau Pinang berkeadaan sedemikian. Adalah dikesalkan bahawa ada setengah-setengah baju yang dicap dan dijual kepada para pelancong tidak memberi satu gambaran yang tidak begitu tepat mengenai negeri kita. Jadi inilah satu perkara juga yang patut kita dan pertimbangkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ini satu perkara kalau tidak disentuh, saya rasa tidak berpuas hati iaitu Tuan Yang Terutama telah menyatakan dalam ucapannya bahawa Kerajaan berhasrat untuk memperbaiki semua bidang pentadbiran. Saya hendak sebut semuapapun, saya tidak ingat, jadi yang saya ingat ialah mengenai bidang tanah. Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Tanah sama ada di peringkat daerah atau di peringkat negeri. Bila kita kemukakan sesuatu perkara, memang mereka menjalankan usaha-usaha yang begitu baik seperti menyediakan Kertas dan sebagainya, tetapi kadang-kadang Kertas itu tersangkut 3 atau 4 tahun. Inilah yang patut kita perbaiki. Saya hendak bagi contoh, misalnya ada pihak-pihak yang telah menulis surat beberapa kali supaya masalah dihadapi dapat diselesaikan dengan segera. Salah satu daripadanya ialah satu permohonan dari Jabatan Ugama — bukan orang ramai lagi — tetapi antara jabatan dengan jabatan pun sangkut. Majlis Ugama Islam telah meminta satu kawasan tanah untuk membina bangunan Majlis Ugama, tetapi sampai ke hari ini pun belum ada tindakan yang sewajarnya. Saya tidak duduk di situ, oleh itu saya tidak faham bagaimana cara ianya diproses, tetapi kalau tidak keberatan sangat saya harap perkara ini dapat diproses dengan lebih cepat lagi dan janganlah mengambil masa yang begitu panjang.

Kalau permohonan itu dibuat oleh orang ramai, banyak juga contoh yang boleh kita sebut-

kan. Saya hendak bangkitkan mengenai Pulau Burung yang dahulunya merupakan sebuah pulau, tetapi sekarang ianya bukan lagi sebuah pulau. Pulau Burung telah menjadi satu daratan melalui hakisan tanah dan hari ini daratan itu boleh kita maju dan usahakan, di mana Y.A.B. Ketua Menteri telah pernah berucap di Dewan ini bahawa beliau mengalu-alukan wujudnya Koperasi Pembangunan Daerah (K.P.D.). Jadi atas ucapan dan minat Yang Amat Berhormat, kita telah menubuhkan K.P.D. tetapi sejak K.P.D. membuat permohonannya lebihkurang 3 tahun dahulu belum ada tindakan yang sewajarnya dilakukan. Jadi kalau boleh saya harap pihak yang berkenaan akan membuat semakan. Saya percaya Kertas mengenai perkara ini sudah siap, tetapi kenapa tidak dibawa lagi ke M.M.K.? Jadi saya harap perkhidmatan ini dapat kita perbaiki.

Lagi satu ialah mengenai permohonan bagi tanah-tanah Lesen Tumpangan Sementara. Janganlah mengambil masa bertahun-tahun untuk menyelesaikannya sehingga kadang-kadang timbullah perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan tindakan-tindakan terpaksa diambil walaupun ada pihak-pihak yang kena marah oleh kerana ianya melibatkan tindakan undang-undang. Jadi saya harap janganlah kita menyusahkan dan kalau boleh kita hendaklah bekerjasama dengan semua orang bagi mengatasi semua masalah yang ada. Janganlah menimbulkan sebarang kekecuruhan di antara kita dengan pihak-pihak yang berkenaan. Jadi itulah harapan saya, Tuan Speaker. Ini satu teguran, yang kalau boleh biarlah mendapat perhatian.

Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin menyentuh mengenai apa yang telah diucapkan oleh Tuan Yang Terutama iaitu untuk mempertingkatkan belia-belia kita hari ini supaya mereka ini dapat memperbaiki akhlak dan menjauhkan diri daripada menghadapi bahaya dadah. Kita telah mengujudkan satu jawatankuasa di tiap-tiap daerah yang dinamakan PEMADAM. Badan ini sepatutnya diberi sokongan yang penuh kerana mereka ini telah menjalankan usaha-usaha yang baik tetapi malangnya PEMADAM yang wujud di tiap-tiap daerah ini tidak mendapat peruntukan wang. Jadi kalau sebuah badan itu tidak ada duit, ianya boleh diumpamakan memberi sebuah kereta tanpa memberi duit minyak, jadi bagaimana kereta itu boleh berjalan. Ini satu perkara yang anih. Kalau kita wujudkan satu badan, biarlah kita lengkapkan dengan sedikit sumbangan supaya badan itu dapat bergerak, berjalan dan dapat menunaikan kewajipan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi, bukan sahaja di peringkat daerah, malah juga di peringkat negara. Jadi

apalah salahnya Kerajaan Negeri memberi sedikit peruntukan kepada tiap-tiap daerah di mana ada Jawatankuasa PEMADAM dan mudah-mudahan dengan adanya peruntukan ini dapatlah mereka menjalankan usaha-usaha mereka.

Tuan Speaker, dalam usaha-usaha kita mempromotkan kemajuan pembangunan yang sedang dan akan kita rancang di negeri kita pada masa-masa akan datang, pada pendapat saya Kerajaan patutlah membuat beberapa kajian ataupun menyemak semula agensi-agensi yang ada di Negeri Pulau Pinang. Kalau agensi-agensi itu tidak boleh memberi nafas atau tidak dapat menunaikan kewajipan masing-masing, eloklah dikaji semula kerana kalau banyak sangat agensi tentu tidak boleh memberi faedah dan keuntungan serta tidak dapat menunaikan kewajipan dan hasrat Kerajaan di dalam negeri ini. Oleh itu eloklah kita membuat satu kajian, mana yang tidak patut itu eloklah kita serapkan supaya mereka ini duduk dalam satu jabatan yang lain. Saya tidak mahu sebutkan pihak mana yang terlibat tapi biarlah kita tengok dulu dan kita kaji kerana kadang-kadang dengan adanya agensi ini bercanggah pula antara agensi dengan agensi. Jadi kata orang, gajah sama gajah berjuang pelanduk mati di tengah-tengah. Pelanduk itu maksud saya rakyat. Jadi kita harap biarlah kalau boleh janganlah wujud perkara-perkara yang seumpama ini.

Tuan Speaker, sebagai penutup — tadi akhir ini penutup — saya ingin menasihatkan Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang telah menyentuh fasal kenaikan elaun Ahli-ahli Exco. Saya kata bukanlah setakat \$1,000.00, kalaulah perlu \$2,000.00 pun kita boleh bagi, kerana mereka ini bekerja kuat siang-malam untuk faedah negeri ini. Tetapi kalau Ahli D.A.P. hendak tambah elaun, bolehlah buat cadangan, sebab kita di sini boleh sokong.

Sekian, Tuan Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya sokong penuh atas ucapan Tuan Yang Terutama yang telah disampaikan kepada Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menyampaikan ucapan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang yang telah disampaikan di dalam menyempurnakan pembukaan Dewan pada 18 Mac, 1985. Saya akan mengambil bahagian dengan ringkas kerana rakan-rakan saya telah berucap dengan begitu panjang di dalam 32 fasal yang telahpun

dilafazkan oleh Tuan Yang diPertua. Dalam 32 perkara yang dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama, cuma saya menumpang mengeluarkan sedikit sebanyak fikiran mencelah-celah di dalam apa yang diucapkan oleh rakan saya di dalam Majlis yang mulia ini. Kita berterima kasih dan bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama atas kemajuan dan rancangan-rancangan yang telahpun dijalankan oleh Kerajaan dan telahpun disempurnakan oleh pegawai-pegawai kita yang menjalankan tugas-tugas di dalam memenuhi hasrat dan kehendak rakyat kita. Cuma apa yang saya hendak tambahkan di sini ialah berkenaan kedudukan rakyat sesudah projek-projek dilaksanakan di kawasan mereka. Kita patutlah menambah lebih lagi gerakan-gerakan untuk menambah pendapatan atau ekonomi dan begitu juga dalam segi sosial dalam negeri ini.

Kita juga berharap projek-projek dalam Rancangan Malaysia Keempat yang belum selesai patutlah kita berikhtiar dengan seboleh-bolehnya sedikit-sebanyak perkara-perkara yang kecil supaya dapat diselesaikan. Di samping itu patutlah kita meninjau dan memeriksa barangkali ada titi-titi yang runtuh, jalan-jalan yang agak berlopak, ban-ban yang sudahpun tidak ada lagi dan selalu dibanjiri oleh air, maka ini juga patut diberi perhatian dengan seberapa cepat yang boleh.

Berkenaan dengan kedudukan pertanian termasuk haiwan dan juga nelayan, kita tahu pihak Kerajaan telah menyampaikan sedikit sebanyak bantuan-bantuan dan saya rasa bantuan-bantuan yang kita sampaikan ini pun barangkali belum mencukupi dan patut juga kita bersedia untuk menambahkan lagi kerana kita tidak tahu sama ada pak-pak tani kita ini sudah menyedari atau memahami akan usaha Kerajaan yang telah banyak mengadakan berbagai-bagai penerangan sivik bagi menolong mereka menambahkan pendapatan hidup seharian. Apa yang dirancangan oleh pihak yang berkenaan dalam pertanian telahpun disampaikan kepada mereka seperti seperti rancangan kampung berkelompok dan kampung tersusun telah mereka sambut dengan begitu baik. Dalam kemajuan ini hari ini rakyat di kampung telah tertanya-tanya kerana dalam soal pemberian, mungkinlah tidak mencukupi. Pihak Pengerusi Pertanian telah membuat berbagai-bagai projek bantuan umpamanya, projek mengemukakan lembu, mengadakan lembu susu, lembu pawah, kambing dan itik telur. Mengikut tinjauan yang didapati, nampaknya akuan yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita mengenai projek-projek ini memanglah baik, memang menguntungkan dan memang menambahkan pendapatan. Ini diakui



sendiri oleh rakyat kita dan oleh itu kita patutlah menambah dan menyusunkannya dengan lebih rapi demi kemajuan penduduk-penduduk di luar bandar dan supaya sambutan daripada mereka akan berterusan. Dengan itu mereka tidak payah selalu datang kepada Wakil Rakyat untuk bertanya bagaimanakah mereka boleh mendapat bahan-bahan yang berkenaan dan apakah yang patut mereka buat. Dalam hal ini, bukan sahaja rakyat yang akan mendapat keuntungan dan menambahkan pendapatan, tetapi Kerajaan juga akan mendapat faedah dan keuntungan darinya, misalnya Kerajaan boleh menambahkan daging dan telur dalam negara kita ini supaya kita tidak payah lagi membeli dari luar negeri. Jadi inilah di antara sebab-sebab peruntukan perlu ditambahkan lagi.

Dari segi kedudukan Pihak Berkuasa Air (P.B.A.) saya hendak meminta supaya mereka dapat memperbaiki perkhidmatan mereka supaya rungutan daripada rakyat tidak selalu timbul. Ada tempat-tempat di mana telah didirikan sebuah tank besi besar yang dicacakkan begitu tinggi, tetapi air yang turun dari tangki yang besar itu begitu kecil sekali hingga tidak memuaskan. Sudahlah begitu, airnya pula berkarat. Perkara ini berlaku di kawasan saya sendiri, iaitu di Sungai Lembu. Jadi saya rasa barangkali tong-tong yang lama ini hendaklah diperiksa balik oleh sebab barangkali selut yang halus sudah banyak terisi di dalamnya dan sukar bagi airnya turun.

Dan begitu jugalah berkenaan dengan paip-paip yang panjang, paip-paip sederhana 4", 8" dan sebagainya yang saya agak sudah lama dipasang. Hari ini, saya dengar, kalau dikuatkan air itu sedikit, ia akan pecah di sana sini. Dan kalau tidak dikuatkan barangkali sehari semalam satu tangki yang boleh memuatkan lebihkurang 60 gelen air di atas bumbung tidak juga akan penuh. Jadi terpaksa air itu dibuka tiap-tiap hari supaya ada air di dalam kolam kecil di bawahnya. Jadi saya harap bahawa paip semacam ini akan diperiksa dan kalau boleh ditukar dengan seberapa cepat yang boleh. Kadang-kadang saya nasihatkan penduduk-penduduk yang datang mengadu barangkali paip kecil yang dipasang dahulu itu sudah lama dan berkarat, dan mungkin perlu ditukar. Setelah ditukar kepada paip yang baru dengan perbelanjaan \$500.00 - \$600.00, masalah yang sama masih berlaku juga. Jadi kita tidak mahu menganiayai rakyat. Kalau bagi petua yang silap, memang merbahaya. Jadi saya tidak mahu bagi petua lagi dan saya hanya memberitahu mereka bahawa perkara itu adalah tanggungjawab P.B.A. dan P.B.A. akan mengambil langkah dalam hal ini.

Adalah difahamkan iaitu Kerajaan Negeri akan mengadakan Hari Peladang Kebangsaan di Negeri Pulau Pinang ini. Barangkali kalau disebutkan Hari Peladang akan merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang dan tempatnya saya agak-agak ialah di Jalan Jelawat - tanah yang saya agak luaslah. Kalau tidak silap saya, satu ekspo juga akan diadakan barangkali dalam dua minggu lagi. Ini adalah satu kemajuan bagi kita. Saya berharap sesudah ekspo ini selesai padang ini akan dikekalkan oleh kerana kita tidak ada tempat yang khas langsung bagi tujuan sebarang keramaian di Seberang Perai. Jadi untuk mengimbangkan kedudukan dan kemudahan rakyat dan juga bagi kemudahan Kerajaan Negeri, patutlah padang ini dikekalkan.

Lagi satu perkara ialah mengenai Majlis Perbandaran Seberang Perai (M.P.S.P.). Kita tahu M.P.S.P. pada hari ini ada menjalankan projek-projek menanam pokok dalam kawasan perumahan. Jadi selalunya ditanam pokok yang tak boleh dimakan - stail zaman dulu - saya ingat kalau boleh kita ubah kepada stail di zaman Jepun kerana saya rasa tujuan menanam pokok-pokok itu bukanlah sahaja untuk perlindungan dan tempat berteduh serta untuk mencantikkan kawasan itu, tetapi juga bagi kita merasa sedikit sebanyak kelazatan dari apa yang telah kita usahakan. Ini patutlah kita fikirkan, saya ingat, barangkali ada orang yang menjawab kalau kita tanam semacam itu boleh menimbulkan pergaduhan dan perkelahian. Saya rasa kalau kita tanam pokok-pokok itu berhampiran dengan rumah-rumah itu, kita boleh bahagi-bahagikan hak masing-masing. Dengan cara sedemikian, barangkali tidak boleh terjadi perkelahian. Jadi kita cubalah satu atau dua, kalau nampak cara itu bagus, menguntungkan kita dan juga menguntungkan rakyat, barangkali kalau kita tanam rambutan dan pokok itu berbuah, orang dalam kawasan itu tidak payah membeli rambutan lagi, maknanya ia tidak payah menggunakan wangnya lagi, tapi boleh mendapat hasil dari usaha yang kita jalankan.

Satu perkara lagi yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya ialah mengenai dua buah badan, iaitu KEMAS dan lagi satu ialah PERDA. Nampaknya tempuh Rancangan Malaysia Keempat akan berakhir tidak lama lagi, boleh jadi di akhir tahun ini, dan saya berharaplah bahawa rancangan ini benar-benar dapat dilihat dan dirasai oleh rakyat kita sekalian, kerana seperti kata rakan-rakan saya tadi, kebanyakannya industri terletak di dalam pekan-pekan dan kita berhajat untuk membawa

pembangunan industri ini ke dalam kampung-kampung supaya penduduk-penduduk kampung bolehlah mengambil bahagian di dalam menjalankan tugas kerja dan sebagainya untuk mencari pendapatan yang lebih.

Akhirnya saya berbalik kepada Wakil D.A.P. dari Pengkalan Kota. Saya sebenarnya tidak faham — tidak tahulah kalau-kalau ada wakil-wakil lain yang faham — dengan pendapat wakil itu. Beliau tidak membangkang mengenai pembangunan — dulu beliau membangkang — tetapi serupa juga dengan membangkang, saya rasa, sebab beliau kata jangan belanja wang banyak. Pada pendapat saya, dalam kemajuan pembangunan kalau tidak digunakan wang tentulah tidak dapat buat apa-apa pun cuma yang tidak menggunakan wang ialah Tuhan sahaja, kalau Dia hendak mengadakan sesuatu, atau Ia hendak meniadakan pun tidak payah belanja wang. Seperti mana Y.B. Tuan Haji Ahmad Saleh kata tadi, di Sungai Burung yang dulu laut tidak ada apa-apa, tetap pembangunan di Sungai Burung itu, dengan kerana Allah melakukannya seduitpun tidak lena. Jadi kalaulah dari segi pembangunan dalam negeri ini tentulah Kerajaan hendak gunakan banyak wang, dan kita pun turut mencari wang dari mana-mana punca, asal pembangunan ini dapat dirasai oleh rakyat kita. Jadi pendapat wakil D.A.P. bercanggah — satu beliau tidak membangkang, dan satu lagi, beliau kata tidak patut kita belanjakan wang banyak-banyak.

Lagi satu perkara ialah dalam soal penggunaan kereta-kereta baru oleh pegawai-pegawai Kerajaan lebih-lebih lagi Ahli-ahli Exco. Saya rasa tentu wakil kita tidak mahu orang-orang luar menghinakan Kerajaan kita. Kalau kereta buruk Kerajaan mati di tengah jalan dan dijumpai oleh orang-orang luar ini akan memalukan kita. Jadi pada saya, walaupun kita tidak ada wang, tetapi kita mesti ada stail sedikit. Kalau stail kita bagus dan kereta kita besar, berhutang banyak mana pun orang bagi; kena bayar hutang itu lain fasal tetapi kalau kita hendak berhutang lagi, kita kena bayar. Jadi saya berharap dalam soal ini janganlah kita bimbang. Wakil Rakyat itu mungkin sudah mengagakkan bahawa pilihanraya sudah dekat dan oleh sebab itu beliau berkata pada hari ini, “soal pembangunan itu saya tidak bangkang”. Jadi beliau hendak orang luar dengar bahawa parti pembangkang bersetuju dalam perkara pembangunan tetapi beliau timbulkan tentang duit pula. Jadi sebagai manusia biasa, sama ada dari segi Kerajaan dan pembangunan negeri atau dari segi perseorangan atau dari segi kumpulan, kewangan adalah perlu. Janganlah Kerajaan Negeri bimbang dari segi

hutang dan sebagainya. Kami menyokong penuh asalkan dapat ditunaikan semua projek yang dirancangan supaya dapat dirasai dan dinikmati oleh rakyat.

Hanya sekian, Tuan Speaker, saya mohon menyokong ucapan T.Y.T. Yang diPertua Negeri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan juga bagi menjawab dan menyokong atas ucapan Tuan Yang Terutama yang diPertua Negeri Pulau Pinang.

Beberapa orang telah membangkitkan supaya Jawatankuasa saya dapat menyusun dengan lebih kemas lagi khasnya rancangan-rancangan bagi belia-belia. Sebelum itu sukalah saya menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang bercakap dengan tujuan untuk membina, memberi pendapat dan mem-membentangkan masalah, di samping itu mempunyai satu niat semoga pihak yang bertanggung-jawab ini dapat menyusun satu program yang baik bagi kepentingan masyarakat. Kalau hendak kita bandingkan pula dengan pihak pembangkang, hendak marah kepadanya tidak boleh, sebab saya maklum sahaja berlaku sifat manusia biasa, kalau tinggal seorang, dia rasa gelisah — cukup gelisah — tidak faham pun kena bercakap, tidak cakap lagi gelisah, boleh jadi tidak boleh duduk. Perasaan ini perasaan yang ada pada semua orang, bukan pembangkang sahaja; siapapun begitu. Kalau tinggal seorang, ia mesti gelisah. Saya rasa lebih baik jangan duduk seorang. Di sebelah sini masih banyak lagi kerusi. Kita boleh berkawan baik-baik dan kita boleh buat kerja sama-sama.

Contoh keadaan gelisah yang saya kata itu ialah suasana huru-hara kelmarin, walaupun ianya tidak begitu sangat menarik perhatian pihak pemberita. Sekali lagi kita mengucapkan terima kasih kepada pihak pembangkang kerana hendak tunjuk gempar, gerun, menyokong orang yang gelisah dan datang seolah-olah hendak tempuh masuk dalam Dewan ini. Tetapi beliau tidak berani rempuh, cuma berani gempar sahaja. Sebab itu kita kata lain kali kalau jumpa Keling dengan ular ..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Benggal, bukan Keling.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain Haji Omar):**

Ya Benggali, pukul Benggali dulu, jangan pukul ular dulu kerana dia gempar sahaja. Apa yang saya hendak kata di sini, cuba kita perhatikan balik perbahasannya. Semua perkara-perkara yang dibangkitkan ialah perkara-perkara lama seperti masalah Jambatan, KOMTAR, tanah di situ, tanah di sini dan lain-lain. Pendek kata apa yang keluar, perkara lama juga. Dulu pun kita sudah dengar cerita ini. Tidak ada bahan-bahan lain lagi. Bila bercakap masalah sempadan pun, cerita pula kepada orang seolah-olah kita hendak menggadai Negeri Pulau Pinang kepada negeri lain. Perkara ini sebenarnya tidak berlaku, tetapi saya ucapkan terima kasih khas kepada pemberita yang pada hari ini telah nampak bahawa apa yang dicakapkan oleh pihak pembangkang adalah kosong.

Saya hendak tunjuk di sini contoh-contoh oleh pihak Barisan Nasional. Pertama sekali ialah daripada Ahli Kawasan Tasek Gelugor yang meminta supaya Jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam bidang belia menyusun atau menyediakan satu program khas supaya belia-belia yang telah lulus peperiksaan tetapi mempunyai masa lapang sementara menunggu pekerjaan dapat membuat persediaan bagi masa hadapan. Sebagai jawapan kepada cadangan itu, kita ada program memberi latihan sambil belajar, program memberi kursus kepimpinan, program untuk melatih mereka dalam bidang perniagaan dan program untuk menyiapkan diri supaya akhlak mereka baik. Inilah program yang perlu kita tekankan.

Bagi saya, dari segi akhlak sekarang kita sudah nampak orang kita sudah mula sedar, dan mula yakin bahawa melalui perpaduan negeri kita dapat kemajuan. Kalau kita tidak bersatu padu, bercakaran dan bergaduh sesama sendiri atau antara bangsa-bangsa di dalam negeri ini, sampai bilapun kita tidak boleh maju. Kita tidak payah cakap kita boleh jalan tanpa perpaduan. Kita harap bahawa masyarakat dalam Negeri Pulau Pinang ini sedar bahawa perpaduan itu mustahak, perpaduanlah yang boleh mendorong pemimpin-pemimpin dan masyarakat supaya maju, tetapi golongan yang suka bergaduh sudah mula kurang. Mungkin program kita sudah mula berjaya. Cuma ada dua kawasan sahaja yang masih lagi berkehendakkan jangan ada perpaduan dan mereka menyucuk masyarakat supaya selalu bergaduh.

Dalam Dewan ini kita dengar selalu mereka menuduh Ketua Menteri "menjual maruah", atau Ketua Menteri "menjual bangsa". Bangsa siapa?

Masyarakat ini siapa punya? Masyarakat Pulau Pinang ini terdiri dari bangsa mana? Berapa bangsa ada di sini? Tuduhan "jual bangsa", "jual maruah", 10 kali datang 10 kali cakap fasal itu juga, seolah-olah negeri ini saya tidak tahulah apa maksudnya. Negeri ini siapa punya? Pulau Pinang ini siapa punya? Saya tidak tahu. Itu isu perkauman dan isu hendak cucuk supaya bergaduh, tetapi alhamdulillah Pulau Pinang ini telah berjaya dan mula sedar bahawa perpaduan adalah mustahak, dan inilah antara program-program yang kita adakan bagi belia-belia supaya mereka sedar. Tanpa perpaduan kita tidak usah cakap kerana Negeri Pulau Pinang tidak akan maju; kita berkehendak kepada perpaduan. Maka sebab itu kita melatih dan mengadakan program-program ini sebagai persediaan kepada mereka.

Di samping itu pula sekiranya ada golongan-golongan belia yang mahu berniaga atau yang mahu bekerja sendiri (bukan makan gaji) ada program yang telah kita sediakan. Kerajaan kita juga telah mengujudkan pihak swasta dan sebagainya untuk menyediakan pekerjaan bagi para belia.

Yang kita pentingkan sekarang ialah wujudnya kesedaran di kalangan belia supaya mereka ini betul-betul bersatupadu dan bekerjasama antara satu sama lain demi kepentingan rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Maka oleh sebab itu kita adakan satu lagi program, sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Acheh, iaitu PEMADAM. Sebenarnya pada tahun ini kita sudah mengiktirafkan PEMADAM. Walaupun ianya merupakan satu badan sukarelawan yang akan bergerak untuk memerangi kemasukan dadah yang merebak kepada masyarakat muda khususnya, kita telah memberi perakuan bahawa PEMADAM boleh bergerak untuk mencegah dan kalau boleh untuk memulihkan. Dalam perkara ini badan ini akan kita beri peluang dengan seluas-luasnya di semua daerah dan kita berharap sangat supaya rancangan untuk memerangi dadah dapat berjalan dengan baik.

Kita takut kerana masyarakat mula semakin lama semakin ramai yang terlibat dalam masalah dadah, mungkin kerana akhlak tidak cukup, ataupun masa terlalu banyak sehingga mereka tidak tahu hendak buat apa dan tidak ada jalan lain melainkan pergi kepada dadah, ataupun ada golongan yang berikhtiar ke arah ini supaya golongan muda terjebak dengan salahgunaan dadah. Apa yang kita tahu merebaknya dadah ini adalah dengan tujuan untuk menghancurkan masyarakat kita di masa akan datang. Sudahlah ini merupakan golongan yang kena cucuk dengan jarum, kemudian ada pula golongan yang hendak



cucuk supaya kita bergaduh antara kaum. Saya rasa pada satu masa kalau kita tidak berjaga-jaga dan tidak mengawasi maka golongan yang kena cucuk dengan jarum ini setelah dicucuk oleh kumpulan yang suka hendak timbulkan perkauman, Pulau Pinang mungkin tidak akan selamat. Tetapi kita sedar atas masalah ini. Terima kasih atas ingatan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari kawasan masing-masing yang menegur dalam bidang ini supaya kita mengambil berat di atas masalah belia-belia. Pihak Jawatankuasa saya bersedia untuk menyusun satu program dan berharap supaya mendapat satu kawasan yang menempatkan masyarakat yang ingin kepada perpaduan.

Saya ucapkan terima kasih dan saya juga mengambil kesempatan pada hari ini menyokong atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang. Sekian.

#### **Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):**

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang telah membentangkan beberapa isu mengenai industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri pada 18 Mac, 1985.

Industri pelancongan telah diberi tumpuan khusus oleh Kerajaan Negeri. Industri ini akan menjadi sektor penting yang akan menyumbangkan kepada kemajuan ekonomi negeri ini. Sementara Kerajaan akan menambah usaha-usahanya untuk mengujudkan persekitaran atau suasana bagi pembangunan industri ini, sektor swasta dan sektor awam harus memainkan peranan mereka kerana tanpa peranan tersebut usaha-usaha Kerajaan akan menjadi sia-sia. Kerajaan akan terus menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan bagi menggalakkan industri pelancongan. Dalam hal ini adalah penting supaya usaha-usaha dibuat untuk menentukan Negeri Pulau Pinang dalam keadaan bersih, indah dan selamat. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memastikan supaya kebersihan menjadi amalan hidup rakyat negeri ini. Alam persekitaran kita boleh diancam oleh pencemaran. Rakyat harus sedar bahawa pencemaran akan memusnahkan industri pelancongan kita dan juga merosakkan ekonomi negeri kita. Kesedaran masyarakat dan kerjasama orang ramai adalah penting dalam usaha-usaha kita untuk menggalakkan industri ini.

Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan sektor swasta untuk melabur dalam industri pelancongan. Kerajaan mengalu-alukan cadangan

dalam sektor swasta untuk mengujudkan projek-projek pelancongan di negeri ini. Kerajaan juga akan menimbang untuk menswastakan pembangunan projek-projek pelancongan yang sedang dirancang atau diuruskan oleh Kerajaan. Tahun 1986 akan menjadi tahun yang penting bagi industri pelancongan di Pulau Pinang. Ia merupakan tahun yang akan menunjukkan permulaan era baru bagi industri ini. Persidangan PATA akan diadakan di Malaysia dan Pulau Pinang akan diberi keutamaan khas pada persidangan tersebut. Ia juga merupakan tahun di mana Pulau Pinang akan merayakan 200 tahun pembangunan Pulau Pinang. Kerajaan sedang merancang satu program yang komprehensif untuk mengiklankan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan. Kerajaan juga sedang merancang untuk mengadakan satu simposium pelancongan antarabangsa selepas persidangan PATA.

Dalam bulan Jun tahun ini satu simposium pelancongan akan diadakan untuk memberi satu forum kepada sektor swasta tempatan bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri pelancongan dan juga memperkenalkan peluang-peluang dalam industri ini dan juga sebagai persediaan kita untuk tahun 1986. Kerajaan ingin menyeru kepada sektor swasta supaya membuat persediaan mulai dari sekarang. Sebagai sebahagian dari persiapan ini, Kerajaan ingin merayu orang ramai untuk mengambil tindakan membantu Kerajaan menentukan negeri kita dalam keadaan bersih, indah dan selamat. Di antara tindakan-tindakan lain, semua bangunan yang kotor harus dibersihkan, lebih baik lagi jika sekiranya dicatkan semula. Kawasan halaman rumah yang kotor juga harus dibersihkan dan lebih baik jika diindahkannya. Bagi menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat maka Kerajaan akan menyusun satu pertandingan kebersihan dan keindahan antara kampung-kampung dan taman-taman di perkarangan kediaman orang ramai. Kita berharap bahawa pada tahun 1986 Negeri Pulau Pinang akan diberi wajah baru.

Di sini saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa Kerajaan sedang menimbang penubuhan pasukan khas polis pelancongan di Negeri Pulau Pinang untuk menjaga keselamatan dan membantu pelancong-pelancong.

Adalah diharapkan dengan penubuhan Pasukan Khas ini Pulau Pinang akan menjadi satu pusat pelancongan yang lebih menarik. Bagi kemajuan Bukit Bendera, Kerajaan juga mencadangkan untuk membina kereta kabel yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima sebagai tambahan kepada Keretapi Bukit Bendera yang sedia ada.



Kerajaan juga sedang merancang untuk meluaskan Kebun Bunga yang akan mempunyai kawasan seluas 420 ekar berbanding dengan 72 ekar di masa sekarang.

Mengenai cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan ini saya ingin menegaskan bahawa semuanya akan diberi perhatian dan pertimbangan yang teliti.

Sekian, terima kasih.

#### **Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor dan saya sokong penuh usul beliau mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama. Saya ambil bahagian di masa sekarang oleh sebab saya ada aturcara yang lain dan saya tahu Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menjawab dengan teliti di atas semua perkara yang berbangkit yang boleh membawa faedah.

Saya rasa Ahli-ahli di pihak Kerajaan telah menyokong sepenuhnya ucapan yang dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama terutama sekali perenggan enam di mana Tuan Yang Terutama telah berkata bahawa tahun 1985 akan memerlukan usaha-usaha yang lebih gigih lagi daripada rakyat bagi menghadapi cabaran-cabaran dari kemelesetan ekonomi dan kita hendaklah memulakan program berjimat-cermat dan kawalan kewangan yang lebih ketat selaras dengan tindakan Kerajaan Pusat untuk mengurangkan semua perbelanjaan awam bagi membaiki keadaan imbalan pembayaran dan sebab itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli sesungguhnya adalah baik sekali demi keadilan dan harapan rakyat di dalam kawasan mereka. Kerajaan tentulah akan mengambil perhatian dan akan kita jalankan mengikut keutamaan (*priority*) memandangkan masalah kewangan pada hari ini.

Selain dari itu saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri sesungguhnya memandang berat di atas masalah-masalah yang kita hadapi. Salah satu contoh ialah perkara yang dibawa oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan anggota pentadbiran negeri. Kerajaan Negeri telah meluluskan wang untuk membeli kereta-kereta bagi tahun 1985, tetapi kita telah ketepikan penggunaan wang ini sehingga akhir tahun ini. Jika di masa itu kewang-

an negeri masih belum pulih lagi, barangkali langsung perkara ini akan kita ketepikan. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai perkara-perkara lain seperti elaun, kita telah menimbulkan perkara ini di Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan di dalam mesyuarat itu juga kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan anggota-anggota pentadbiran negeri supaya dapat diseragamkan di seluruh negeri. Oleh sebab inilah Kerajaan telah menanggungkan elaun-elaun yang telah kita umum dan luluskan di dalam Belanjawan dan anggaran-anggaran yang lalu. Ini menunjukkan *determination* Kerajaan untuk menjalankan tugas dan menyesuaikan diri di dalam keadaan masalah kewangan yang ketat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak membawa satu perkara sebagai contoh. Perkara ini ialah melalui satu *observation* yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota dan saya ucapkan terima kasih kepada beliau di atas *observation* atau perbahasan yang baik dan tidak mengelirukan. Beliau hanya menunjukkan bahawa beliau tidak faham di atas perkara-perkara yang kita jalankan. Sebab apa saya kata begitu? Beliau telah berkata janganlah kita beli Jambatan Pulau Pinang, baik kita minta — bukan sahaja minta tetapi mesti *beg* atau meminta sedekah — daripada Kerajaan Pusat. Ini menunjukkan dua perkara. Satu ialah semangat D.A.P. dan kedua, rakyat kita tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional negeri ini mempunyai satu perhubungan yang rapat sekali dengan Kerajaan Persekutuan dan dalam perbincangan yang telah diadakan, kita telah mencapai satu keputusan. Kita telahpun selesaikan masalah itu dengan satu formula baru, tetapi kalau selalu D.A.P. hendak meminta-minta, dan kalau rakyat kita menyokong parti Pembangkang untuk meminta kepada Kerajaan Pusat, saya ingat minta semacam *beggar* sekalipun kita tentu tidak dapat. Ini sudah terus terang, tetapi beliau dan parti beliau tidak faham apa yang dijalankan.

Tujuan Kerajaan masa sekarang ialah kita mesti berhubung dengan Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan satu masalah ekonomi yang besar sekali. Masalah asas ialah wang pinjaman seluruh negara kita daripada luar negeri adalah besar sekali. Kita mesti mencari jalan bagi menyelesaikan perkara ini. Daripada projek-projek pembangunan seperti projek menebusguna tanah di pantai timur Pulau Pinang dan rancangan-rancangan yang akan datang kita boleh mendapat faedah. Dari faedah tanah

itu kita boleh bayar balik ongkos Jambatan ini. Kalau kita bertanggungjawab di atas harga jambatan dan semua jalan pekeliling di jambatan itu yang merupakan satu rancangan yang besar sekali daripada CDD 21, dengan wang itu barulah kita bayar balik ongkos Jambatan Pulau Pinang. Bayaran tol yang akan kita kutip akan kita masukkan ke dalam wang pendapatan tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan ini akan menjadi satu hasil besar di hari depan. Dari keuntungan yang diperolehi dari pembangunan besar di dalam kawasan CDD 21, kita boleh menjalankan dan melaksanakan beberapa projek sosial seperti kemudahan-kemudahan rumah kos rendah dan lain-lain lagi. Kalau kita menurut kata Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota supaya meminta sahaja Jambatan ini seperti seekor katak sebelum hujan dan supaya kita jangan kutip tol macamana kita boleh merancang untuk pembangunan?

Satu lagi perkara yang telah ditimbulkan di dalam ucapan Tuan Yang Terutama ialah menara pentadbiran, KOMTAR. Pembinaan Jambatan dan Menara KOMTAR merupakan rancangan-rancangan yang besar sekali. Kedua-dua rancangan ini telah dibincang 15 tahun dulu dan selepas kajian yang teliti, keputusan telah dibuat untuk melaksanakan kedua-dua projek ini. Barulah hari ini kita boleh nampak kedua-dua rancangan ini sebagai lambang yang mana kita tunjukkan kebolehan rakyat dan semangat rakyat Negeri Pulau Pinang, bukan lambang atau mimpi Ketua Menteri.

Saya ingat saudara-saudara saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pun tidak ambil puji-pujian. Kita hanya menjadi satu *catalyst* yang mana kita bekerjasama untuk faedah rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Kedua-dua rancangan ini bukan sahaja boleh membawa faedah kepada Negeri Pulau Pinang tetapi juga kepada seluruh Malaysia khususnya di Semenanjung Malaysia Utara. Inilah yang kita tunjukkan macamana satu rancangan di dalam negeri boleh membawa faedah kepada seluruh negara, tetapi jika 10 tahun dulu kita tidak mengambil keputusan untuk melaksanakan projek ini, hari ini kita tentu tidak dapat mencapai apa yang kita telah dapat. Jadi untuk hari depan pun kita ada lagi rancangan-rancangan yang besar sekali — tidak payah kita sebut CDD 21 atau rumah kos rendah atau lain-lain — tetapi tujuan kita sebenarnya ialah kita mesti menjaga dan menaikkan taraf hidup rakyat kita kepada satu peringkat yang sesuai bukan sahaja untuk hari ini, tetapi untuk hari depan, sama ada 10 tahun atau 20 tahun yang akan datang.

Sebaliknya ada satu perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bukit

Tambun iaitu mengenai tanah di Bukit Minyak yang telah dimasuki oleh peneroka-peneroka. Kerajaan Negeri tidak menjaga tanah ini sebab dalam satu program menebusguna tanah 12 tahun dulu adalah didapati bahawa tanah itu dinaiki oleh air masin, dan hari ini barulah ada sedikit penggunaan iaitu di bidang pertanian yang mana peneroka-peneroka telah masuk untuk menanamenas dan lain-lain, tetapi mereka telah masuk ke tanah itu secara haram. Oleh sebab itu pegawai-pegawai yang telah diambil bertugas untuk menjaga tanah Kerajaan telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan dengan betul sekali.

Sebaliknya ini bukanlah pertama kali perkara ini dibangkitkan. Perkara ini telah terjadi beberapa kali atau pada pertama kalinya, Pegawai Daerah telah berhubung dengan peneroka-peneroka itu dan memberi mereka peluang. Mereka telah bersetuju perkara itu tidak akan berbangkit lagi, tetapi selepas setahun mereka masuk semula tanpa memohon untuk menggunakan tanah itu. Apa yang kita dapat tahu ialah ada satu sindiket besar terlibat yang diam-diam duduk di belakang. Apabila mereka masuk balik, kita telah menghalau mereka secara baik; kali kedua pun kita berhubung secara baik dan memberi mereka peluang menjual hasil-hasil tanaman mereka. Mereka telah berjanji perkara itu tidak akan berulang lagi, tetapi selepas ½ tahun mereka masuk lagi sedikit demi sedikit dan sampai kali ini pihak Kerajaan telah berjumpa dengan mereka, telah kenal dengan mereka dan oleh sebab mereka telah membohongi Kerajaan sebanyak 3 kali, Kerajaan mesti mengambil tindakan yang keras sekali. Saya haraplah Yang Berhormat Ahli-ahli dari kawasan-kawasan yang terlibat dengan tempat itu akan mengambil peluang berhubung dengan peneroka-peneroka itu dan memberi keterangan macamana Kerajaan mesti menjaga tanah Kerajaan. Sesungguhnya tanah Bukit Minyak adalah satu kawasan yang besar yang boleh membawa faedah yang besar bagi Kerajaan di hari depan tetapi buat masa sekarang kita tidak boleh mengambil keputusan yang tetap oleh sebab rancangan Jalan Changkat Jering atau lebuh raya utara selatan dari Alor Setar ke Kuala Lumpur belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, kita ada rancangan hendak membina sebatang jalan besar dan setelah selesai barulah kita boleh buka kawasan Juru dan satu kawasan yang 10 tahun dulu merupakan kawasan yang mempunyai ekonomi yang buruk sekali.

Kita harap kita boleh bawa rancangan-rancangan baru untuk tempat itu dan Bukit Minyak sudah dikenalpasti (*identified*) sebagai satu kawasan yang setanding atau pun *compliant* apa yang telah terjadi di Seberang Jaya,



satu kawasan besar untuk program organisasi. Oleh sebab itu jikalau peneroka-peneroka sesungguhnya hendak bekerja baik dengan Kerajaan Negeri mereka boleh memohon tanah-tanah itu, tetapi sesungguhnya untuk tanah-tanah Lesen Tumpangan Sementara (TOL), janganlah bila kita telah memberi lesen itu, selepas 2 tahun Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili mereka balik ke sini dan berkata, "Oh! Mereka telah berada atau masuk ke atas tanah itu sejak 2 tahun lalu dan sekarang kita mohon hendak pindahkan mereka tentulah mereka tidak mahu pindah". Sekiranya mereka masuk meneroka di tempat itu dengan kawalan yang baik dan berhubung dengan baik, Kerajaan boleh mengambil pertimbangan untuk menyelesaikan masalah ini dengan adil. Kedua-dua perkara ini yang saya telah sebut kita selalu mesti ada pandangan dekat dan pandangan jauh.

Akhir kata, saya menyokong sepenuhnya seruan Tuan Yang Terutama supaya kita sebagai wakil-wakil rakyat di dalam Dewan ini mesti bekerja kuat dan sesungguhnya menjaga perpaduan, keamanan dan keselamatan negeri kita. Daripada kestabilan masyarakat kita barulah kita boleh mencapai faedah-faedah untuk rakyat kita.

Jadi, Tuan Speaker, dengan itu saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Gelugor.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul bagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri kerana berkenan melafazkan ucapan dalam Dewan ini tempoh hari. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan buah fikiran, khususnya kepada Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Aceh dan Yang Berhormat dari Kawasan Penanti yang mempunyai *vision* terhadap pembangunan sektor pertanian di dalam negeri ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan dengan tegas bahawa *commitment* Jawatankuasa Pertanian Negeri di dalam pembangunan sektor pertanian Negeri Pulau Pinang adalah tegas. Dengan kerjasama Kementerian Pertanian kita akan memperhebatkan, kita akan memperbanyakkan dan kita akan menggempur supaya kawasan-kawasan pertanian yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang ini dapat dibangun dengan sewajarnya bukan saja dari segi bilangan projek tetapi saya suka menegas-

kan bahawa dari peruntukan akan kita perjuangkan bagi kepentingan para nelayan, para petani, para penternak dan pekebun kecil di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, mengenai dengan pandangan Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Aceh terhadap pendapatan yang merosot yang sedang dialami oleh para nelayan kita ekoran dari tangkapan yang merosot sepertimana kita semua sedia maklum dalam soal tangkapan ikan, ada kalanya pendapatannya memuaskan dan kadangkala bukan saja \$28.00, tapi \$1.00 pun tidak dapat, sekupang pun tidak dapat oleh kerana masalah-masalah seperti ribut taufan, gelombang yang besar dan sebagainya. Oleh kerana menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang menyusun program-program supaya para nelayan terutama sekali nelayan-nelayan pantai boleh mendapat pendapatan sampingan melalui berbagai-bagai projek yang lain seumpamanya projek untuk menternak kerang di kawasan-kawasan yang berseesuaian. Kita telah memberi peruntukan kepada Persatuan Nelayan dan kepada Syarikat Kerjasama Nelayan supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam menternak kerang supaya pendapatan dan taraf hidup mereka dapat ditingkatkan seperti mana yang telah dilaungkan oleh Kerajaan.

Selain dari ternakan kerang kita juga merancang projek-projek ternakan ikan dalam sangkar. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan peruntukan yang agak banyak untuk ternakan ikan dalam sangkar; bukan sahaja dalam laut kita cuba tetapi kita telah cuba juga menjalankan satu projek memelihara ikan air tawar, iaitu dalam sungai. Ternyata dan terbukti program ini mendatangkan hasil yang baik untuk para nelayan, dan oleh itu tidak nampak saya mengapa Kerajaan tidak boleh memperuntukkan tambahan bagi kepentingan para nelayan yang miskin yang memerlukan pembelaan daripada kita.

Tuan Speaker, mengenai dengan projek ternakan ikan air tawar, kita bukan sahaja menjalankan rancangan ikan air tawar dalam laut (ada ikan masin) dan dalam sungai, tetapi mulai tahun ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah, di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dan kerjasama Ahli-ahli Exco yang lain, kita mengujudkan peruntukan yang baru dan khas untuk menolong para peladang memulihkan kembali kolam-kolam ikan mereka. Kita telah berusaha untuk mendapatkan benih-benih ikan seperti ikan keli yang telah disuarakan oleh Ahli Kawasan Kubang Semang, kita akan berusaha untuk mendapatkan benih ikan talapia merah, ikan sepat, ikan ruan dan lain-lain lagi

— sepat ronggeng pun ada — supaya barangkali para petani kita boleh mengambil bahagian untuk menambahkan pendapatan. Ikan belut pun, kalau boleh.

Tuan Speaker, saya telah menyentuh mengenai projek nelayan, tapi selain dari projek-projek nelayan pada tahun ini kita telah memperkenalkan satu program bersepadu. Sembilan kawasan yang akan diperdekatkan, hala cara kita dan kaedah kita secara bersepadu di mana kita telah merancang bersama-sama dengan Jawatankuasa Pertanian di Pantai Jerejak bersama dengan Yang Berhormat dan pegawai yang gigih yang telah menunjukkan bagaimana dedikasi dan gigihnya mereka dengan nasihat Datuk Setiausaha Kerajaan supaya kita dapat membuat sesuatu bagi faedah rakyat. Kita telah mengenalpasti sembilan kawasan tetapi sembilan kawasan itu tentu tidak mencukupi. Insya Allah kita akan memperbanyakkan lagi program seperti ini supaya matlamat akhir kita keseluruhannya, kawasan-kawasan yang masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan di sektor pertanian boleh dimajukan. Itulah matlamat kita. Insya Allah dengan sokongan Ahli Yang Berhormat dan dengan kegigihan khususnya pegawai-pegawai dalam Jawatankuasa Pertanian, saya tidak nampak bagaimana projek-projek ini tidak dapat kita jalankan.

Tuan Speaker, dalam rancangan pemulihan tanah terbiar, pada tahun ini kita mempunyai peruntukan sebanyak \$1 juta untuk diberi kepada petani-petani dalam usaha untuk memulihkan tanah terbiar. Kita berkali-kali telah menyatakan bahawa kita akan memulihkan tanah-tanah ini demi keselamatan negara, tetapi kerana padi dan beras adalah makanan utama, kita akan meneruskan program-program ini; oleh kerana itu kita menentang begitu keras rancangan untuk mengubah jenis penggunaan tanah padi terutama sekali untuk mendirikan rumah. Kita menyatakan dengan tegas kita tidak akan bertolak ansur tentang soal ini. Kita akan meneruskan program-program pemulihan tanah terbiar.

Dalam tahun baru ini Y.B. Menteri Pertanian, saudara Anwar Ibrahim telah mengumumkan jenis padi M.R. 73 ataupun namanya "makmur". Kita akan menggunakan kesempatan ini untuk membekalkan benih padi makmur kepada petani-petani kita dalam program pemulihan tanah terbiar, semoga dengan pemberian padi ini hasil padi akan meningkat dan pendapatan petani akan dapat ditingkatkan untuk faedah petani-petani kita yang terlibat. Kita juga telah memberi berbagai-bagai projek kecil yang kita

perolehi dari jabatan-jabatan melalui saluran-saluran tertentu seperti Pertubuhan Peladang. Kita salurkan juga melalui Syarikat Kerjasama Nelayan dan Persatuan Nelayan seperti projek membina jeti dan projek menggali parit. Semuanya ini telah kita buat sepertimana yang di-laungkan oleh pemimpin-pemimpin kita supaya projek-projek di kawasan pertanian boleh diusahakan oleh nelayan ataupun petani sendiri melalui pertubuhan ataupun organisasi yang mereka sertai. Inilah yang kita buat dan insya Allah kita akan buat lagi dan dengan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan memperhebatkan lagi supaya matlamat kita untuk membela nasib nelayan, petani dan penternak-penternak akan mendapat kejayaan.

Tuan Speaker, berhubung dengan Hari Peladang Kebangsaan, pada tahun ini kita suka mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan bersetuju supaya perayaan Hari Peladang Kebangsaan diadakan di Pulau Pinang (bukan sebab Menteri Pertanian dari Pulau Pinang), Tuan Speaker. Kita telah meminta perayaan itu diadakan di sini sebab kita yakin kita ada kesanggupan. Jadi Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan satu bidang tanah supaya, kalau boleh, dijadikan satu tapak yang tetap seperti yang kita adakan untuk Pesta Pulau Pinang, kita juga boleh merancang satu tapak untuk digunakan sebagai tapak bagi menyambut Hari Peladang dan apabila selesai Hari Peladang, di tapak yang sama boleh dijalankan aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan nelayan dan petani. Petani dan pekebun kecil boleh menggunakan tapak ini untuk membawa hasil dari kampung dan tangkapan mereka boleh jual di tapak yang berkenaan. Alhamdulillah, atas kerjasama Kerajaan Pusat dan sokongan daripada Kerajaan Negeri kita akan mengadakan Hari Peladang Kawasan yang dijadualkan pada 6hb Ogos tahun ini.

Mengenai rancangan menggemukkan lembu, ini adalah satu program yang baru. Sebenarnya projek menggemukkan lembu dan anak-anak lembu jantan dengan memberi makanan hampas kelapa sawit dijalankan di Butterworth, Pulau Pinang, dengan kerjasama sebuah Syarikat. Kalau sebesar ini kandangnya boleh diisi 100 ekor sebab tentu lembu-lembu ini tidak makan rumput tetapi memakan hampas kelapa sawit (*palm kernel cake*). Jadi kita telah membuat rancangan di Pulau Pinang sebelum tahun 1984, iaitu sebelum Universiti Pertanian membuat kita sudah buat dahulu. Ini adalah satu rancangan yang baik. Setakat ini kita selalunya mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat



dan pada tahun ini Kerajaan Negeri akan menambahkan peruntukan sebagai *supplement* kepada apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Ini adalah rancangan yang baik.

Selain dari rancangan untuk menggemukkan lembu, Kerajaan telah mengadakan 3 pusat pengumpul susu untuk kemudahan para penternak lembu susu di Negeri Pulau Pinang ini. Kita telah memperuntukkan 50,000 di Barat Daya dan kita ada projek dengan kerjasama Kerajaan Pusat di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah. Ini ialah program yang kita buat untuk kepentingan para penternak kita. Jadi kita akan banyakkkan lagi projek-projek ini dan kita harap akan mendapat kerjasama sepenuhnya dari para penternak bagi kepentingan mereka sendiri.

Jadi, Tuan Speaker, Jawatankuasa Pertanian akan sentiasa mendengar pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan insya Allah kita akan cuba mempertingkatkan lagi prestasi kita dari satu masa ke satu masa. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai-pegawai Kerajaan kerana berdiri teguh di belakang saya untuk menjalankan program rancangan-rancangan bagi kebaikan para petani, nelayan dan para penternak yang sangat memerlukan pembelaan daripada kita semua. Walaupun Negeri Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang maju dalam sektor perindustrian dan pembangunan pelancongan tetapi kita tidak nafikan bahawa sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang merupakan sektor yang mustahak dan perlu kita kerja keras supaya ada keseimbangan dalam sektor pertanian dan pembangunan sektor-sektor lain yang terdapat di Negeri Pulau Pinang ini.

Jadi, Tuan Speaker, sekian ucapan saya. Saya mohon menyokong usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dan juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa beberapa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran tanah di negeri kita ini.

Yang Berhormat dari Tasek Gelugor yang menimbulkan perkara pemberian milik tanah Tasek Kachang Puri sebenarnya telah sedia maklum bahawa permohonan dari penduduk berkenaan sedang giat diambil tindakan supaya dapat ditimbang oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Yang Berhormat dari Machang Bubuk, Pengkalan Kota, Sungai Nibong dan Sungai Bakap menyentuh mengenai semakan cukai tanah yang dilaksanakan mulai tahun ini. Sebagaimana yang saya jelaskan di Dewan yang mulia ini kelmarin dulu, semasa menjawab soalan lisan, kenaikan yang dibuat tidaklah begitu tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Semakan cukai yang terakhir dibuat dalam tahun 1970 iaitu limabelas tahun yang lalu dan kenaikan atau semakan berikut tidak boleh dibuat sebelum 1 Januari, 1974.

Kerajaan Negeri sedar akan kesan kenaikan tersebut ke atas rakyat negeri ini khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Itulah sebabnya negeri ini telah melaksanakan kenaikan cukai mulai tahun ini walau pun negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia telah mengenakan cukai baru mulai tahun 1984. Sebenarnya tarikh berkuatkuasanya semakan yang dijalankan ialah dalam tahun 1984. Dalam lain perkataan rakyat negeri ini telah diberi pengurangan sebanyak 100% bagi kadar baru tahun 1984 yang lalu.

Untuk mengkaji kesan dan rayuan kenaikan cukai tanah, pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa rayuan semakan cukai tanah di mana Yang Berhormat dari Machang Bubuk adalah salah seorang ahlinya. Pandangan beliau itu bolehlah dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa tersebut.

Yang Berhormat dari Bukit Tengah mendakwa Jawatankuasa Tanah 'sengaja' melambatkan permohonan tukar syarat dan pecah sempadan. Kedudukan sebenarnya, Tuan Speaker, pada 8 Mac, 1985 (iaitu tahun ini) adalah seperti berikut: pecah sempadan, 30 permohonan sahaja dan tukar syarat, 87 permohonan sahaja yang masih di dalam pertimbangan jawatankuasa dan tidak lama lagi boleh diselesaikan. Dalam masa kita menyelesaikan permohonan-permohonan lama, permohonan baru diterima untuk dipertimbangkan. Dengan yang demikian permohonan yang ada di peringkat jawatankuasa yang belum diselesaikan iaitu 30 permohonan pecahan sempadan dan 87 permohonan tukar syarat tidak boleh dikatakan tinggi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tanah akan cuba sedaya upayanya untuk menyelesaikan permohonan-permohonan ini secepat mungkin. Di masa yang lepas saya telah mempelawa Ahli Yang Berhormat Tanah dan Jawatankuasa Tanah Negeri dan saya pelawa sekali lagi Yang Berhormat di sini untuk menyebutkan kes-kes tertentu supaya sebab-sebab kelewatan, jika ada, dapat dikaji dan langkah untuk mengatasinya di setiap peringkat diambil.

Tuan Speaker, empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Bukit Tengah, Sungai Nibong, Bukit Tambun dan juga Sungai Bakap telah menimbulkan perkara penguatkuasaan (*enforcement*) undang-undang tanah. Saya percaya semua Yang Berhormat berkenaan bersetuju bahawa undang-undang dan peraturan negeri ini hendaklah dipatuhi oleh semua orang. Kedaulatan undang-undang menjadi satu dari prinsip Rukunegara kita. Namun begitu pihak Kerajaan sentiasa berhati-berhati dan mengambil kira kerumitan dan kesusahan rakyat sebelum sesuatu tindakan diambil. Amaran dan notis biasanya diberi dengan secukupnya sebelum sesuatu tindakan diambil.

Secara *specific*, penguatkuasaan yang dijalankan di Seberang Jaya adalah ke atas binaan *shrine* yang dibina oleh pemaju. Ianya bukanlah bangunan kuil atau tokong yang digunakan oleh orang ramai. Sepatutnya pemaju meruntuh semula *shrine* itu apabila siap kerjanya tetapi ini tidak dilakukan. Untuk menjaga keadaan persekitaran di kawasan perumahan berkenaan, binaan *shrine* tersebut telah dibuka tanpa menimbulkan masalah besar.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Acheh yang telah menyebutkan dua kes permohonan tanah yang dikatakan lambat diproses. Kedua-dua permohonan tersebut sedang diambil tindakan dan ingin saya jelaskan di sini bahawa permohonan tersebut hanya diterima di peringkat negeri pada tahun 1984.

Dengan ini, Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul yang telah dibawa oleh Tuan Haji Samsuddin. Sekian, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, saya ingin menyokong usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Gelugor. Izinkan saya juga menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh beberapa perkara tentang jalan raya serta juga perumahan. Saya telah pun mengambil perhatian terhadap teguran-teguran, pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli tersebut. Saya akan cuba dengan sedaya upaya saya untuk menentukan bahawa perubahan tersebut akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Speaker, hanya ada beberapa perkara yang perlu untuk saya memberi sedikit penjelasan di dalam Dewan ini. Perkara yang pertama telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam berkaitan dengan kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam dan cadangan untuk mengetarkan Lorong Ciku. Soalan ini telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubuk dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Lorong Ciku adalah sebidang laluan yang terletak atas tanah persendirian, dan juga di atas *reserve pipe* Pihak Berkuasa Air. Pemaju bagi skim perumahan di hadapan rumah ini telah mengemukakan pelan tataletak (*layout plan*) kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pelan tersebut telahpun diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai tetapi setakat ini pihak pemaju belum lagi membangunkan skim perumahannya.

Pihak Kerajaan sedar atas kesesakan lalulintas yang telah diakibatkan oleh peraturan lalulintas yang masih dalam peringkat percubaan. Untuk makluman Dewan ini perkara ini telahpun dibangkitkan untuk perbincangan dan perundingan dalam Jawatankuasa Kerja Raya dan beberapa pilihan (*alternatives*) telah dibangkitkan untuk kelulusan dan saya harap tidak lama lagi Pihak Berkuasa Negeri boleh menyelesaikan aduan ini. Saya ingin mencadangkan barangkali minggu hadapan bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam dan juga Ahli Kawasan Machang Bubuk, saya akan melawat tempat yang berkenaan untuk memeriksa sendiri bagaimana kesesakan dan masalah mengetarkan Lorong Ciku boleh diselesaikan.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan dan menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam bahawa J.K.R. bukanlah bermakna "Jangan Kerja Rajin" dan bukan juga "Jalan Kena Rata". Imej Jabatan Kerja Raya sepatutnya mencerminkan "Jamin Kerja Rapat". Ini ialah satu sikap dan semangat yang menjadi lambang Jabatan Kerja Raya dan saya ingin memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak Jabatan Kerja Raya akan sentiasa bekerja rapat dengan semua jabatan dan agensi Kerajaan serta Ahli-ahli Yang Berhormat demi kepentingan rakyat jelata.

Ada juga beberapa perkara lain berkenaan jalanraya yang telah dikemukakan. Berkenaan penyelenggaraan jalan raya, untuk makluman Dewan ini, panjang jalan yang diselenggarakan ialah lebih dari 1,000 km. di seluruh negeri ini.

Buat masa ini bagi jalan-jalan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya, pihak tersebut telah membuat pemeriksaan ke atas keadaan jalan dan juga di tepi jalan, termasuk penyelenggaraan lalang atau pokok yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Sungai Acheh. Pihak Jabatan Kerja Raya menjalankan kerja membaikinya apabila perlu. Di samping itu juga orang ramai termasuk Ahli Yang Berhormat adalah dijemput membuat sebarang laporan mengenai keadaan jalan yang tidak memuaskan. *Hotline No. 373737* yang telah diadakan bolehlah juga digunakan untuk menyampaikan keadaan jalan yang kurang memuaskan untuk tindakan Jabatan Kerja Raya dan lain-lain jabatan Kerajaan seterusnya.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat dari Kawasan Teluk Bahang supaya Kerajaan Negeri menanam lebih banyak pokok-pokok di sepanjang jalan-jalan raya di Negeri ini, sebenarnya Kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan dalam perkara ini. Sebuah Jawatankuasa telahpun dibentuk di peringkat negeri untuk melaksanakan usaha-usaha ini. Antara jabatan-jabatan yang terlibat dalam melaksanakan projek ini ialah:

- (a) Majlis-majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai.
- (b) Jabatan Pertanian Negeri.
- (c) Jabatan Kebun Bunga.
- (d) Jabatan Perhutanan Negeri.

Sambil usaha menanam pokok-pokok dijalankan, Jawatankuasa ini juga sedang merancang projek-projek "*landscaping*" di tempat-tempat strategik di negeri ini, kerana keindahan merupakan matlamat yang utama bagi Jawatankuasa ini dan juga Kerajaan Negeri.

Berkenaan lalulintas dan kesesakan lalulintas yang mungkin diujudkan selepas habisnya projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang, untuk makluman Dewan ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia (L.L.M.) sedang berusaha melaksanakan projek lebuhraya Changkat Jering/Alur Star mengikut jadual. Aliran (*alignment*) bagi lebuhraya itu telah ditetapkan dan kini urusan untuk mengambil tindakan sedang dijalankan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Berkenaan masalah banjir di kawasan Caunter Hall dan Masjid Negeri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini bahawa sebab banjir ini adalah tanah yang di sekelilingnya adalah sangat rendah dan juga pembangunan di tadahan Sungai Pinang telahpun menyebabkan tambahan aliran sungai,

oleh itu sungai yang sedia ada tidak cukup besar. Sebahagian tanah itu telah ditambah untuk pembinaan bangunan. Dengan itu keadaan tanah di sekelilingnya telah menjadi lebih teruk. Langkah-langkah sementara telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan menjalankan pembuangan kelodak-kelodak (*temporary desilting*) di mana jentera *excavator* boleh masuk kerana sebahagian besar di sepanjang sungai ini tidak ada *reserve*. Langkah-langkah jangka panjang termasuk mengujudkan satu *reserve* untuk keseluruhan Sungai Pinang, mendalamkan kuala Sungai Pinang, melebarkan dan mendalamkan Sungai Pinang, pembinaan benting di tebing Sungai Pinang dan pembinaan parit dalam. Berkenaan banjir di sekeliling Sungai Ara dan Sungai Keling, Kerajaan Negeri telah menjalankan kerja membuang kelodak (*temporary desilting*). Projek ini telah dimasukkan dalam senarai Rancangan Malaysia Kelima.

Berkenaan masalah perumahan, adalah tidak benar dan mengelirukan bagi Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota mengatakan bahawa Kerajaan gagal dalam usahanya untuk mengatasi masalah perumahan di Pulau Pinang. Dengan berkata demikian, beliau telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa beliau tidak memahami "*nature*" masalah perumahan.

Di dalam mana-mana negara maju, perumahan merupakan masalah yang berterusan dengan tidak berhenti, semakin sukar untuk mendapat rumah, dan keadaan ini tidak ada kesudahannya. Ini adalah jelas ditunjukkan oleh negara-negara seperti Singapura dan Hong Kong di mana kejayaan yang besar telah dicapai dalam bidang perumahan.

Dari rumah sementara, orang ramai akan memohon untuk mendapatkan rumah pangsa. Dari unit satu bilik tidur seseorang itu akan memohon mendapatkan unit rumah dengan dua atau tiga bilik tidur. Hasrat dan kehendak orang ramai untuk mendapatkan rumah yang lebih baik dan lebih besar tidak berhenti: hasrat dan kehendak untuk meningkatkan lagi mutu dan taraf kehidupan mereka dan membaiki keadaan kediaman mereka adalah hasrat dan kehendak yang cukup sihat dan biasa di mana-mana negara di dunia ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memahami sepenuhnya aspirasi orang ramai, dan akan meneruskan usaha dengan lebih giatnya untuk membina rumah yang lebih, dengan taraf dan mutu yang lebih tinggi bagi orang ramai. Manakala Kerajaan di Hong Kong cuba menyediakan cukup



perumahan dengan keluasan lantai rumah bagi hanya 60 kaki persegi bagi setiap penghuni, *standard* keluasan purata yang dicapai oleh Pulau Pinang ialah lebihkurang 180 kaki persegi bagi setiap penghuni, iaitu tiga kali ganda *standard* di Hong Kong.

Apa yang tidak fahami juga oleh Ahli Kawasan Pengkalan Kota ialah Kerajaan Negeri bukanlah satu-satunya agensi yang terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah, tetapi terdapat beberapa agensi-agensi Kerajaan lain yang terlibat juga dalam pembinaan rumah kos rendah.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan Ahli Kawasan Bagan Ajam bahawa agensi-agensi Kerajaan lain dan juga pemaju-pemaju swasta memainkan peranan yang sama penting dalam usaha untuk menyediakan rumah yang mencukupi kepada orang ramai. Dalam konteks ini saya sangat sukacita melihat P.D.C., PERDA, UDA, M.P.P.P., Koperasi Angkatan Tentera, Koperasi Pekerja Kastam, Koperasi Gabungan Negeri, Koperasi Tunas Muda, NISA (Koperasi MIC) dan lain-lain koperasi kakitangan Kerajaan dan juga pihak swasta termasuk pemaju-pemaju swasta semuanya telah atau akan melibatkan diri dalam usaha untuk membangunkan lagi rumah-rumah terutamanya rumah kos rendah. Tambahan lagi, Kerajaan Negeri akan mengswastakan beberapa projek perumahan di mana pemaju-pemaju swasta dan kontraktor berpeluang untuk menender tanah-tanah Kerajaan bagi membina rumah-rumah di mana beberapa unit adalah dari jenis kos rendah dan unit-unit tersebut akan diperuntukkan kepada golongan berpendapatan rendah. P.D.C. juga dalam usahanya untuk membangunkan bandar-bandar baru di Seberang Jaya dan Bayan Baru, juga telah memulakan skim "*land parcellation*" di mana pemaju-pemaju swasta dan kontraktor boleh mengambil bahagian dalam pembinaan rumah-rumah untuk orang ramai. Usaha-usaha seperti yang telah disebutkan bersama-sama ini yang berterusan adalah dijangkakan akan memenuhi keperluan dan *target* Kerajaan Negeri untuk sentiasa meningkatkan lagi taraf dan mutu hidup dan keadaan kediaman rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang ini.

Satu perkara lagi berkenaan perumahan ialah cadangan untuk memberi pertimbangan khas kepada 105 orang pemohon yang mendaftar sebelum tahun 1976. Ianya bukanlah satu "*political stunt*" Kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Kota, tetapi ianya adalah satu usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang telah sekian lama menunggu

untuk mendapatkan rumah. Dengan langkah ini tidaklah bermakna Kerajaan mengabaikan pemohon-pemohon rumah murah yang lain kerana pemohon-pemohon lain juga mempunyai peluang untuk mendapatkan rumah apabila Kerajaan membuat peruntukan nanti.

Tuan Speaker, sekali lagi saya mohon menyokong usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang yang telah melafazkan ucapannya dan di samping itu saya juga ingin menyampaikan penjelasan kepada ADUN-ADUN yang telah menyampaikan pandangan-pandangan mereka. Dan saya rasa pandangan-pandangan mereka telahpun dijelaskan oleh rakan-rakan saya, cuma tinggal satu dua bagi saya menjelaskannya.

Yang pertama ialah mengenai PERDA yang telah ditimbulkan oleh ADUN Tasek Gelugor dan Machang Bubuk. PERDA telah dirubuhkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk memberi perkhidmatan bukan sahaja kepada golongan yang tertentu tetapi kepada masyarakat tanpa mengira kaum, khususnya masyarakat yang tinggal di luar bandar.

Mengenai kawasan PERDA, perkara ini telah dibincang beberapa kali dan kawasannya telahpun disarankan oleh PERDA. Di peringkat ini Kerajaan Negeri telahpun hampir meluluskan kawasan yang dipohon oleh PERDA dengan pindaan di sana sini.

Ahli Kawasan Kubang Semang telah membangkitkan masalah *pinball* yang sebenarnya telahpun diharamkan, iaitu pada tahun 1982. Cuma yang dibenarkan ialah kelab-kelab yang tertentu yang ahli-ahlinya terhad. Kalau terdapat permainan ini di tempat yang bukan saya sebutkan, ini bermakna ianya merupakan *pinball* yang haram dan jika kita mendapat keterangan yang jelas, kita akan mengambil tindakan yang tegas dan segera.

Ahli Kawasan Kubang Semang juga telah menimbulkan masalah babi. Kita faham ini merupakan masalah yang sangat sensitif kepada semua pihak dan biasanya lesen memelihara babi dikaji dan dipertimbangkan dengan teliti sebelum ianya dikeluarkan. Pihak Jawatankuasa Muhibbah dan JKKK akan diminta terlebih dahulu memberi

pandangan dan *comment* mereka. Boleh jadi terdapat lesen lama yang mungkin menimbulkan masalah. Walau bagaimanapun, kita telah kenakan syarat-syarat yang ketat seperti penternak dikenakan mengadakan *sump-pit* dan berbagai lagi. Pihak P.D.C. telah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan rancangan *biogas* yang saya rasa akan dapat menyelesaikan sedikit sebanyak masalah membela babi ini.

Berkenaan masalah kebersihan di Butterworth, saya nampak yang patut dipersalahkan ialah semua pihak, bukan sahaja Majlis. Sikap dan perangai masyarakat juga patut ditegur. Kempen demi kempen telah kita adakan tetapi yang mengambil bahagian dalam kempen bukanlah penduduk-penduduk tempatan yang terlibat tetapi lebih ramai belia di Pulau Pinang atau badan-badan sukarela yang bukan tinggal di kawasan itu. Sebaliknya jumlah orang-orang yang tinggal di kawasan itu kalau diadakan kempen seumpama ini akan melihat sahaja tanpa meringankan tangan untuk memberi bantuan. Ini amatlah dikesalkan.

Dalam soal ini seperti yang saya katakan kedua-dua Majlis akan bertindak dari masa ke masa. Kalau berlaku tangkapan, diharap tidak ada pihak lain yang cuba bercampur tangan sebab sama-sama kita akui kebersihan merupakan perkara yang penting dan insya Allah saya akan mengarahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mengambil tindakan yang lebih tegas tanpa mengira siapa yang bercampur tangan, misalnya papan-papan iklan yang saya nampak banyak sekali di resab jalan akan diruntuh sebab telah dibuat tanpa izin. Selain dari itu ada juga bangunan kecil yang dibuat atas tanah Kerajaan tanpa izin dan banyak lagi yang lain-lainnya yang mana menampakkan Bandar Butterworth sebagai bandar yang kotor. Dalam hal ini juga kita akan bertindak dan kita berharap tidak ada sesiapa yang akan cuba menolong mereka-mereka yang cuba mengotorkan Bandar Butterworth.

Berbalik kepada masalah mengenai Pihak Berkuasa Air, saya tidak mahu bercakap atau menjawab tetapi saya hendak bertindak terus. Pada 20 Mac saya dengan segala hormatnya mempersilakan semua ADUN sama ada ahli Lembaga atau tidak untuk mengadakan dailog dan disusuli dengan tindakan pada jam 3.00 petang di Tingkat 26 dan saya akan memanggil Pengurus Besar dan Pengerusi Pihak Berkuasa Air, termasuk Penasihat Undang-undang Negeri dan Datuk T. Subbiah, ahli dalam undang-undang tanah, untuk bersama-sama kita duduk untuk mencari jalan menyelesaikan masalah yang saya rasa amat

penting untuk diselesaikan dengan segera. Dengan itu tangisan dan permohonan rakyat akan dapat kita tunaikan dengan secepat mungkin. Kalau *target* kita hendak sampai ke angka 95%, insya Allah sebelum lima tahun dengan adanya kerjasama dari pihak-pihak tertentu kita akan dapat mencapai angka ini.

Akhir sekali saya suka merakamkan terima kasih kepada semua ADUN di sebelah sini yang telah bersungguh-sungguh menimbulkan masalah yang dihadapi di kawasan masing-masing dan saya juga lagi sekali menyokong usul yang telah dibawa oleh Tuan Haji Mohd. Noor bin Ahmad, ADUN kanan dari Tasek Gelugor dalam ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Usul dipersetujui.

(B) Usul daripada Yang Berhormat Datuk T. Subbiah:-

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mencadangkan Usul:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar dilantik sebagai wakil Dewan ini ke Jemaah Universiti Pertanian Malaysia di bawah Seksyen 13(i) dalam Jadual Kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 daripada 1 Januari, 1985 hingga 31 Disember, 1987”

Tuan Speaker, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran telah menulis surat untuk menasihatkan bahawa menurut Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti memperuntukkan seorang wakil Dewan ini dilantik ke Jemaahnya.

Oleh yang demikian, dengan sukacitanya saya mencadangkan Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff b. Hj. Omar, Ahli Kawasan Sungai Dua, dilantik ke Jemaah Universiti tersebut selama 3 tahun. Perlantikan ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 1985.

Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul itu.

Usul dipersetujui.

**(C) Usul daripada Yang Berhormat Encik Teoh Kooi Sneah:**

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):**

Tuan Speaker, saya bangun mencadangkan Usul di atas nama saya yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut ini dilantik sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Dewan Bagi Penggal Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keenam:-

1. Y.B. Tuan Speaker (Pengerusi)
2. Y.B. Datuk Hj. Hassan b. Hj. Md. Noh @ Mat Noor
3. Y.B. Dr. Ong Hean Tee
4. Y.B. Encik Liang Thau Sang
5. Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saleh
6. Y.B. Encik Song Ban Kheng
7. Y.B. Encik Teoh Teik Huat

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen atau risalat-risalat melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Pengerusi dan tiga ahli yang lain akan membentuk satu kuorum.”

Maksud utama Jawatankuasa ini ialah melong dan menasihatkan Yang Berhormat Tuan Speaker mengenai semua perkara-perkara yang melibatkan kemudahan dan kesenangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan Mesyuarat 109. Oleh itu saya minta Dewan ini supaya meluluskan usul saya dengan sebulat suara.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Usul dipersetujui.

**(D) Usul daripada Yang Berhormat Tuan Haji Yahaya bin Ahmad:**

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):**

Tuan Speaker, usul di atas nama saya berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Keenam:-

1. Y.B. Tuan Speaker (Pengerusi)
2. Y.B. Datuk Hj. Abdul Rahman b. Hj. Abbas
3. Y.B. Datuk Khor Gark Kim
4. Y.B. Encik Mohd. Zain b. Hj. Omar
5. Y.B. Dr. Sak Cheng Lum
6. Y.B. Dr. Khoo Soo Kheng
7. Y.B. Encik Teoh Teik Huat.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalat-risalat. Pengerusi dan 3 ahli yang lain akan membentuk satu korum.”

Tuan Speaker, tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan semua perkara yang melibatkan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan ahli-ahli Dewan ini. Sebarang pengaduan tentang pelanggaran sesuatu keistimewaan atau percanggahan syarat-syarat Dewan oleh seseorang Ahli atau lain-lain orang ataupun lain-lain perkara yang berkaitan dengan hak dan kebebasan ahli-ahli hendaklah diuruskan dengan sewajarnya oleh Jawatankuasa ini yang akan menyiasat perkara itu serta melaporkan kepada Dewan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalat-risalat dan bahawa ianya hendaklah melaporkan kepada Dewan dari masa ke masa.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Usul dipersetujui.

**(E) Usul daripada Yang Berhormat Encik Mohd. Zain b. Haji Omar:**

Tuan Speaker, usul di atas nama saya ini adalah bertujuan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Keenam mengikut Peraturan Mesyuarat 109, yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Pulau



Pinang Yang Keenam:-

1. Y.B. Speaker (Pengerusi)
2. Y.B. Datuk T. Subbiah
3. Y.B. Tuan Hj. Mohd. Shariff b. Hj. Omar
4. Y.B. Encik Lee Jong Ki
5. Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah
6. Y.B. Encik Chin Nyok Soo
7. Y.B. Tuan Hj. Adnan b. Haji Ramli
8. Y.B. Encik Teoh Teik Huat

“Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalat-risalat. Pengerusi dan 3 ahli yang lain akan membentuk satu korum.”

Jawatankuasa ini akan menguruskan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan. Sebarang cadangan ke atas pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat biasanya hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa ini untuk mendapat pertimbangan dan perakuan. Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat 109. Ahli-ahlinya dipilih untuk mencerminkan keseimbangan di antara Kerajaan dan Ahli-ahli Pembangkang di dalam Dewan.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Usul dipersetujui.

**(F) Usul daripada Yang Berhormat Encik Song Ban Kheng):**

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan Usul di atas nama saya yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam bagi Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keenam:

1. Y.B. Encik Lim Heng Tee (Pengerusi)
2. Y.B. Tuan Haji Md. Noor b. Ahmad
3. Y.B. Dr. Tan Chong Teik
4. Y.B. Tuan Haji Yahaya b. Ahmad
5. Y.B. Encik Wong Hoong Keat
6. Y.B. Encik Teoh Teik Huat

Jawatankuasa ini akan mempunyai kuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-doku-

men atau risalat-risalat dan hendaklah melaporkan dari masa ke masa kepada Dewan dengan membentangkan risalat-risalat. Pengerusi dan 2 ahli yang lain akan membentuk satu korum”.

Jawatankuasa Kira-kira Awam diberi kuasa untuk memeriksa Kira-kira dan laporan-laporan yang dibentangkan di dalam Dewan seperti ditetapkan oleh Peraturan 109A(1).

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusoff bin Salleh):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Usul dipersetujui.

**(8) PENANGGUHAN**

**Tuan Speaker:**

Saya menjemput seorang Ahli Yang Berhormat mencadangkan Dewan ini ditangguhkan.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengucapkan ucapan penangguhan saya mengenai penderitaan oleh mangsa-mangsa rumah runtuh di Lebu Victoria.

Tuan Speaker, selama 32 hari dari sekarang mangsa-mangsa rumah runtuh di Lebu Victoria seramai lebih kurang 50 orang daripada 11 buah keluarga termasuk lelaki dan wanita tua yang sakit, bayi dan kanak-kanak yang bersekolah akan menghabiskan masa selama setahun di dewan perhimpunan. Tepat seperti yang digambarkan oleh satu laporan akhbar, 11 buah keluarga ini telah menjalani kehidupan seperti haiwan di Dewan Wisma Belia, Pulau Pinang, di Lebu Acheen selepas rumah-rumah mereka runtuh pada 22 April tahun lepas.

Mereka ini yang kebanyakannya terdiri dari penjaja-penjaja dan buruh dari kumpulan ber-

pendapatan rendah telah mengalami kesulitan kewangan sejak rumah-rumah yang mereka duduki runtuh dan tidak dapat meneruskan perniagaan mereka. Selain dari kehilangan punca kewangan orang-orang ini juga menderita dari segi mental kerana gagal mendapatkan rumah-rumah yang lain sebagai ganti.

Mereka terpaksa tidur di atas lantai dewan tersebut walaupun sejak di waktu malam. Selain dari tidur di atas lantai, mereka juga mengalami masalah iaitu terpaksa memasak di luar tanpa bumbung dan setiap kali hujan turun masakan mereka terpaksa ditinggalkan dan berlapar. Kanak-kanak yang bersekolah juga turut menderita dari segi pelajaran mereka memandangkan kekurangan kemudahan seperti kerusi dan meja. Pendek kata, kesemua 50 orang ini terpaksa makan, tidur dan belajar di atas lantai dewan tanpa kemudahan yang sempurna.

Saya pasti Yang Berhormat juga bersetuju setuju bahawa tiada seorang pun yang dapat memiliki rumah-rumah akan dengan sendirinya mendedahkan diri dan keluarganya termasuk mereka yang sakit dan kanak-kanak kepada penderitaan fizikal dan mental dan tinggal dalam keadaan yang rumitkan seperti sebuah dewan perhimpunan.

Mereka hampir bingung dan putus asas kerana telah mencuba di setiap ceruk rantau untuk mendapatkan rumah-rumah sebagai ganti tetapi gagal. Mereka juga telah cuba menyewa di tempat lain tetapi memandangkan anak-anak mereka, tiada siapa yang mahu menyewakan dan lebih-lebih lagi kebanyakan dari mereka tidak mampu membayar kadar sewa yang tinggi. Mereka juga telah menemui Kerajaan Negeri dan telah menemui sendiri dan merayu kepada Pengerusi Perumahan Negeri, Yang Berhormat Dr. Ong Hean Tee, bagi rumah-rumah kos rendah dan telah menghantar surat petisyen kepada Perdana Menteri dan Ketua Menteri untuk membantu mereka. Malangnya Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan tidak menghiraukan penderitaan mereka.

Tuan Speaker, Kerajaan manakah yang sanggup bersikap kejam dan berhati batu dan tidak mempedulikan penderitaan mereka ini dan melihat mereka menderita terutama sekali kanak-kanak yang masih bersekolah? Keadaan yang dihadapi oleh kanak-kanak ini boleh mendatangkan perasaan benci terhadap Kerajaan dan masyarakat sepanjang hayat mereka. Orang-orang ini bukannya meminta perkara yang bukan-bukan. Mereka cuma meminta dan merayu untuk mendapatkan perlin-

dungan sama ada dengan memperuntukkan unit-unit rumah kos rendah atau pun jika tidak, menyewakan kepada mereka rumah-rumah peralihan yang di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Saya pasti yang ini adalah permintaan yang tidak keterlaluan untuk meminta Kerajaan Negeri membantu mereka yang benar-benar memerlukan rumah.

Tuan Speaker, siapakah pemohon-pemohon yang lebih layak bagi peruntukan unit-unit rumah kos rendah daripada mangsa-mangsa ini yang tidak mempunyai perlindungan selepas kejadian tersebut dan terpaksa tinggal dalam keadaan sesak di dewan tersebut selama setahun? Jikalau orang-orang ini tidak layak diperuntukkan unit-unit rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri, saya tidak tahu siapakah orang-orang yang lebih layak untuk diberi kemudahan perumahan tersebut.

Tuan Speaker, saya mengemukakan isu ini dalam ucapan tangguhan saya di perhimpunan ini dan berharap agar Ketua Menteri dan pihak berkuasa dapat dan benar-benar memahami penderitaan orang-orang ini dan memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini. Oleh yang demikian saya ingin mengingatkan Ketua Menteri bahawa Kerajaan dilantik oleh rakyat dan mereka harus ingat yang mereka mempunyai tanggungjawab untuk membantu rakyat bila bantuan diperlukan dan tidak bersikap angkuh seperti yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri mengenai perkara ini.

Tuan Speaker, sebagai penutup, saya merayu Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri supaya menyasat perkara ini dengan segera dan membantu 11 buah keluarga bagi mendapatkan unit-unit rumah kos rendah, atau pun jika rumah tersebut tidak dapat disediakan, supaya menyewakan rumah-rumah peralihan sementara selingga suatu waktu bila rumah-rumah yang sempurna dapat diperuntukkan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):**

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri atas keadaan yang amat tidak memuaskan di mana permohonan untuk mendapat tanah di kawasan Machang Bubuk telah dibekukan sejak tahun 1981 disebabkan satu cadangan skim perumahan kos rendah Kerajaan.

Timbulnya keadaan tersebut ialah akibat satu cadangan 3 - 4 tahun yang lalu untuk membina rumah-rumah kos rendah di tanah kosong di situ. Tanah itu tidaklah seperti biasa diberikan lagi

kepada individu untuk mendirikan rumah masing-masing. Adalah dianggap cadangan tersebut akan menguntungkan orang yang lebih ramai lagi.

Apa yang saya fahamkan ialah Bahagian Perumahan pada masa itu telah menerima cadangan tersebut dan telah meletakkan projek tersebut di bawah Kategori D iaitu satu keutamaan yang paling rendah sekali. Berikutan dengan itu pihak Seberang Perai Tengah telah membekukan semua permohonan untuk tanah di perkampungan Machang Bubuk sehingga rancangan perumahan kos rendah Kerajaan telah disediakan. Keadaan seperti itu boleh diterima sekiranya berlaku dalam tempuh masa yang singkat, tetapi malangnya 3 – 4 tahun telahpun berlalu dan penduduk-penduduk di situ tidak mendapat apa-apa berita langsung mengenai rancangan perumahan tersebut.

Bahagian Perumahan telah mengatakan mereka masih menyimpan dalam ingatan (KIV) projek itu dan tidak tahu benar bilakah masanya nanti mereka akan mampu melaksanakannya. Pengerusi Perumahan Negeri telah mengumumkan pihak negeri telah mengenalpasti 21 skim untuk diswastakan tetapi projek di Machang Bubuk tidak termasuk di dalam skim tersebut. Saya mengaku bahawa saya tidak begitu *optimist* dalam masa yang singkat ke hadapan ini projek perumahan di Machang Bubuk akan dilaksanakan. Kecewa penduduk-penduduk di Machang Bubuk. Dalam pada itu penduduk telah juga turut hampa kerana tidak dibenarkan memohon tanah di perkampungan itu, meskipun terdapat lebihkurang 70 keping tapak tanah yang kosong di situ.

Saya telah menyokong cadangan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah di atas tanah kosong yang terhad di perkampungan baru kerana ini akan menguntungkan orang yang lebih ramai lagi khususnya orang-orang yang berpendapatan rendah, tetapi jika pihak berkuasa yang berkenaan kurang yakin atas pelaksanaan projek tersebut atau jika projek tersebut akan mengambil masa yang begitu lama untuk dilaksanakan maka pada hemat saya, adalah lebih baik dan lebih praktikal jika dijual kepada penduduk-penduduk di situ supaya mereka dapat membina rumah mereka tanpa membuang masa dan wang.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya ingin menggesa Pihak Berkuasa Negeri supaya mempercepatkan rancangan perumahan melalui pengswastaaan ataupun membuka semula penerimaan permohonan untuk tanah di perkampungan Machang Bubuk dengan tidak berlengah-lengah masa lagi.

Sekian, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk menjawab ucapan penangguhan yang dibuat oleh Y.B. Ahli Kawasan Machang Bubuk.

Ada terdapat seluas kira-kira 6 ekar tanah dalam kawasan Perkampungan Baru Machang Bubuk yang masih belum diberi milik. Tanah tersebut telah dicadangkan untuk Projek Perumahan Kos Rendah Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, tetapi malangnya projek itu tidak dapat dilaksanakan disebabkan masalah kewangan.

Sekiranya projek ini tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima, maka Pihak Berkuasa Negeri bolehlah mempertimbangkan tanah itu diberi kepada pemohon-pemohon perseorangan yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan tanah tersebut.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):**

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang telah dalam ucapan penangguhan beliau membangkitkan perkara atau kesulitan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian rumah runtuh di Lebu Victoria pada 22 April, 1984 yang lalu. Untuk makluman Dewan ini Kerajaan memang memandang berat dan bersimpati dengan mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian rumah runtuh di Lebu Victoria pada 22 April, 1984 yang lalu. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di kebelakangan ini terdapat lagi beberapa kejadian buruk seperti ribut kencang yang melanda 77 buah rumah di Kampong Gajah, Butterworth, dan kebakaran di Jalan Jelutong dan beberapa lagi kejadian di mana beratus-ratus keluarga yang kehilangan tempat perlindungan. Ini bermakna rumah-rumah baru diperlukan untuk menempatkan mangsa-mangsa yang terlibat.

Di sini sukalah saya memberitahu Dewan Yang Mulia ini bahawa amatlah sukar bagi Kerajaan untuk memberi kemudahan tempat tinggal tetap kepada semua mangsa-mangsa yang terlibat dalam jangka masa yang singkat. Ini bermakna permulihan seumpama itu cuma untuk sementara. malahan ini memerlukan peruntukan wang yang besar.

Seperkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini ialah pertolongan dari segi peruntukan



rumah yang dapat diberikan oleh Kerajaan dalam menghadapi masalah yang saya sebutkan tadi hanya terhad kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan. Bagi mangsa-mangsa di atas tanah persendirian, buat masa ini Kerajaan belum lagi mempunyai dasar untuk memberi peruntukan rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa tersebut, Kerajaan selalunya memberikan pertimbangan yang wajar (istimewa) kepada permohonan mereka berdasarkan 'merit' tiap-tiap kes (*on individual merit*).

Selain dari itu bagi mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana alam dan lain-lain kejadian buruk, Kerajaan memberikan markah yang lebih kepada permohonan rumah kos rendah mereka. Dengan tambahan markah yang diberikan akan menambahkan peluang mereka untuk mendapat unit-unit perumahan kos rendah.

**Tuan Speaker:**

Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 2.25 petang.**